



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

General Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin

Datuk Hussein bin Mohd. Noordin

Tuan V. V. Aboo

Tuan M. Mahalingam

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein [Ruangan 693]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 693]

Ucapan Takziah kepada Keluarga Mendiang Y.B. Tan Sri Datuk Athi Nahappan [Ruangan 693]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 694]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 694]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 696]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 696]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 717]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) [Ruangan 718]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HEING DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ GENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T. J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHAYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K. Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Isnin, 9hb Ogos, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. General Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin.
2. Datuk Hussein bin Mohd. Noordin.
3. Tuan V. V. Aboo.
4. Tuan M. Mahalingam.
5. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein.
6. Tuan S. M. Vellayappa.

**PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI
BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli baru yang telah mengangkat Sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi, dan berharap semoga mereka dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA
KELUARGA MENDIANG Y.B. TAN SRI
DATUK ATHI NAHAPPAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan sedih saya memaklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang Menteri dengan kematian mendiang Yang Berhormat Tan Sri Datuk Athi Nahappan pada 9hb Mei, 1976. Pihak Parlimen telahpun menghantar kawat takziah kepada balu beliau Puan Sri Datin Athi

Nahappan dan keluarganya. Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun bersama-sama saya bertaffakur selama seminit sebagai menghormati mendiang Yang Berhormat Tan Sri Datuk Athi Nahappan.

(Majlis bertaffakur semula seminit)

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat Parlimen yang lalu:

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1975), 1976;
2. Akta Polis (Pindaan), 1976;
3. Akta Badan-badan Berkanun, 1976;
4. Akta Badan Berkanun Getah, 1976;
5. Akta Pendaftaran Ekspot Getah (Pindaan), 1976;
6. Akta Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri) (Pindaan), 1976;
7. Akta Kastam (Pindaan), 1976;
8. Akta Petroliaam (Cukai Pendapatan) (Pindaan), 1976;
9. Akta Instituit Teknologi Mara, 1976;
10. Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tata-tertib), 1976;
11. Akta Cap Dagangan, 1976; dan
12. Akta Eksais, 1976.

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta

Dewan Negara mempersetujui . Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan itu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya :

1. Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Peguambela (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak;
5. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974 dan 1976);
6. Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun);
7. Rang Undang-undang Pinjaman (Stok Penimbal Timah Antarabangsa);
8. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Rancangan Keluarga (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapasawit (Perbadanan);
12. Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan); dan
14. Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan).

Tandatangan:

Yang di-Pertua Dewan Rakyat”.

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan semua Rang Undang-undang yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini: Rang Undang-undang itu seperti di bawah ini:

1. Rang Undang-undang Kebangkrapan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Peguambela (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak;
5. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974 dan 1976);
6. Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun);
7. Rang Undang-undang Pinjaman (Stok Penimbal Timah Antarabangsa);
8. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Rancangan Keluarga (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapasawit (Perbadanan);
12. Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan); dan
14. Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

DOKUMEN-DOKUMEN SULIT KERAJAAN BUCUR

1. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein minta Perdana Menteri menyatakan iaitu memandang kepada kebucuran yang berleluasa akan dokumen-dokumen sulit

Kerajaan bukan sahaja kepada orang ramai tetapi yang lebih membahayakan kepada agen-agen Kominis, apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil bagi memperbaiki keadaan ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah kerana saya dapat menjawab, kerana pada satu ketika saya khuatir kalau soalannya ini tidak dapat dibuat, Alhamdulillah, dan tahniah kepada Yang Berhormat.

Sebenarnya, Kerajaan sedar adanya kebucuran dokumen-dokumen sulit berlaku, tetapi tidaklah begitu luas sebagaimana yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Langkah-langkah telahpun diambil untuk memperbaiki serta memperketatkan lagi kawalan ke atas keselamatan dokumen-dokumen sulit kerajaan, maka semuanya telahpun diambil dan pada masa ini Kerajaan sedang merancangkan satu kursus pendek untuk pegawai-pegawai kanan Kerajaan di mana cara-cara mengawasi serta mengawal keselamatan dokumen-dokumen sulit Kerajaan ini akan diadakan.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana soal ini begitu penting kepada negara kalau kita bandingkan keadaan pada masa sekarang dan juga Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengaku bahawa kejadian begini telah berlaku. Jadi apakah langkah yang diambil dan adakah siapa-siapa yang dituduh setakat sekarang?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan bermacam-macam langkah kita sedang ambil, bahkan penyiasatan sedang dibuat terhadap satu-satunya dan saya minta izin supaya tidak menjawab soalan ini.

BUMIPUTRA DALAM BIDANG PERINDASTRIAN DAN PERDAGANGAN

2. Datuk Mansor bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa rancangan Kerajaan untuk membantu Bumiputra dalam bidang perindustrian dan perdagangan tidak berjalan

dengan lancar kerana sebab-sebab yang berikut.

- (a) sikap pegawai-pegawai di peringkat pelaksanaan yang tidak mempunyai inisiatif dan minat untuk menolong;
- (b) peraturan-peraturan yang sudah lama dan lain-lain yang sepatutnya dipinda supaya sesuai dengan keadaan sekarang;
- (c) ada setengah-setengah pegawai yang bekerja hanya untuk menghambat masa dan menjalankan tugas secara negatif;

dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh beliau untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Tak Berpottfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian dalam usahanya untuk memupuk semangat dedikasi di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan lebih-lebih lagi pegawai-pegawai di peringkat pelaksanaan. Berbagai rupa kursus telah dan sedang dijalankan untuk mengubah sikap pegawai-pegawai sedemikian supaya mereka dapat bekerja dengan lebih bersemangat terhadap usaha pembangunan negara.

Berkenaan dengan peraturan-peraturan yang sudah lama dan lain-lain yang sepatutnya dipinda supaya sesuai dengan keadaan sekarang, saya suka juga menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa ini juga merupakan satu perkara yang sentiasa diawasi oleh Kerajaan dan pindaan-pindaan kepada peraturan-peraturan itu adalah dilakukan dari masa ke semasa bergantung kepada keadaan.

Untuk membantu Kerajaan mengatasi masalah ini Ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan aduan-aduan specific tentang pegawai-pegawai yang berkenaan kepada Ketua Jabatan mereka atau kepada Biro Pengaduan Awam untuk tindakan selanjutnya.

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM

3. Tuan Syed Omar bin Syed Hussin minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kemajuan yang telah d'capai oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam itu;

- (b) bagaimanakah wang yang dikutip tiap-tiap tahun bersama-sama kutipan Fitrah di dalam bulan Ramadhan itu disimpan, digunakan untuk mencapai tujuan asalnya;
- (c) samada beliau sedar bahawa cara penyimpanan wang itu boleh menimbulkan kecurigaan;
- (d) sejauh manakah kerjasama yang diberikan oleh Jabatan-jabatan Ugama tiap-tiap negeri dalam memajukan Yayasan itu dan adakah kerjasama ini memuaskan; dan
- (e) samada beliau bercadang mengadakan satu "AKTA" seperti AKTA LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI, bagi mengelola dan mengawal Yayasan tersebut, supaya lebih terkawal dan dapat digunakan menurut tujuan asalnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Haji Othman bin Abdullah):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada peringkat permulaan ini, Yayasan ini masih lagi menumpukan perhatiannya kepada kutipan-kutipan derma khairat daripada orang ramai. Wang derma untuk Yayasan ini dikutip oleh amil-amil yang dikelolakan oleh Jabatan-jabatan Hal Ehwal Ugama Islam negeri-negeri yang kemudiannya menyerahkan pula hasil kutipan itu kepada Yayasan.

Sehingga akhir tahun 1975, jumlah kutipan yang telah diserahkan kepada Yayasan ini ialah sebanyak \$323,244.23.

- (b) Wang kutipan yang telah diserahkan kepada Yayasan ini adalah disimpan di Bank Bumiputra sebagai "fixed deposit" dan masih belum digunakan lagi setakat ini. Yayasan ini bercadang untuk menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi seperti projek-projek perniagaan, pembinaan, pertanian, perdagangan dan perindustrian secara persendirian atau usahasama dengan pihak-pihak tertentu yang selaras dengan dasar Islam sebagai usahanya untuk menambah dan mengembangkan modal yang di bawah pengurusannya. Pendapatan, modal dan harta yang dikumpul hasil daripada usaha-usaha

tersebut akan digunakan untuk kebajikan dan pembangunan ekonomi umat Islam di negara ini seluruhnya.

- (c) Kira-kira kutipan yang disimpan oleh Yayasan ini adalah dioditkan oleh Juru Odit Negara dari semasa ke semasa. Oleh itu, saya tidak sedar akan adanya kecurigaan yang timbul.
- (d) Setakat ini Yayasan ini telah menerima kutipan derma yang telah diserahkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Negeri-negeri seperti Trengganu, Perak, Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Wilayah Persekutuan, Sarawak, Negeri Sembilan dan Kelantan. Negeri-negeri lain masih sedang dalam urusan untuk menyerahkan kutipan mereka kepada Yayasan ini. Setakat ini, kerjasama dan hubungan dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Negeri-negeri dalam hal ini adalah memuaskan.
- (e) Sudah ada satu "Trust Deed" atau Suratikatan Perlembagaan Yayasan ini yang memberikan Pemegang-pemegang Amanahnya kuasa-kuasa di bawah Ordinan Trustee bagi melaksanakan objektif-objektif untuk maksud kerja-kerja pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan di kalangan orang-orang Islam di negara ini; dan juga untuk usaha-usaha memperkembangkan syiar Islam di negara ini amnya.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan wang itu disimpan sebagai "fixed deposit" dalam bank. Jadi, saya ingin mengetahui adakah "fixed deposit itu dapat interest serupa sebagaimana simpanan "fixed deposit" biasa yang dibuat oleh orang lain atau badan perniagaan. Kalau betul dapat interest, saya hendak tahu adakah ini tidak bercanggah dengan hukum Islam?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang adat "fixed deposit" itu adalah mendapat interest tetapi adakah ini bercanggah dengan Islam atau tidak, bolehlah Yayasan ini memikirkan dan kalau perlu mengeneipkan wang yang dianggap sebagai shubahat.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa Yayasan ini tidak berunding atau mendapat kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Ugama tiap-tiap negeri. Jadi, dengan sebab itu ada setengah-setengah Kerajaan Negeri enggan mengisi tabung, sebagaimana yang disebutkan oleh beliau tadi.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian kepada soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu, Yayasan ini berjalan ialah hasil daripada Konggres Ekonomi Bumiputra Kedua di mana di dalam Konggres itu telah digesa supaya umat Islam mencampurkan diri di dalam kegiatan ekonomi negara. Oleh kerana itu, suatu usaha telah dibuat yang dahulunya di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Usaha ini telah berjalan dan telah mendapat sambutan yang baik dari negeri-negeri dengan memberikan bantuan \$1 bagi satu ketua keluarga dan 50 sen bagi yang tak berkeluarga pada tiap-tiap tahun sama dengan pada masa pembayaran zakat fitrah. Inilah hasil yang kita dapat sekarang membuktikan bahawa umat Islam telah sudi dan suka menyertai dalam Yayasan Pembangunan Ekonomi Umat Islam ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa kutipan itu juga telah menyeleweng pada dasar kutipan zakat mengikut asnap yang lapan yang tidak sepatutnya diberi kepada Yayasan ini tetapi diberikan kepadanya, sedangkan Yayasan ini bukan satu juzuk yang berhak menerima asnap yang lapan itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tak sedar ada 1/8 daripada zakat fitrah diserahkan kepada Yayasan ini, tetapi apa yang saya sedar tiap-tiap kutipan yang dibuat oleh Yayasan mempunyai resit pembayaran yang terasing daripada pembayaran zakat fitrah.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bukankah kutipan yang didapati itu hasil daripada kutipan zakat fitrah daripada ummat Islam dalam negara ini?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa wang yang dikutip daripada zakat fitrah itu dimasukkan ke dalam bank tempatan oleh setengah-setengah negeri dan mendapat faedah berjuta-juta ringgit yang telahpun terkumpul. Bolehkah beliau berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya wang itu dipindahkan kepada Yayasan tersebut?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu sebenarnya tidak berbangkit oleh kerana simpanan yang dibuat daripada wang zakat fitrah, adalah dikelolakan oleh badan-badan yang khusus di negeri masing-masing. Oleh kerana itu, saya tidak dapat berbuat apa-apa dalam perkara ini.

Datuk Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, wang yang disimpan oleh Pejabat Hal Ehwal Ugama Islam Negeri itu dimasukkan dalam bank tempatan telah memperolehi beribu ringgit wang faedah dan wang ini tidak digunakan untuk faedah yang lain. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan berunding dengan pihak Kerajaan Negeri berkenaan supaya wang itu dipindahkan kepada Yayasan ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

ANASIR-ANASIR SABVERSIF DALAM BADAN BERKANUN

4. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan samada benar bahawa anasir-anasir sabversif telah meresap dalam badan-badan berkanun Kerajaan dan badan-badan awam sebagaimana yang dituduh oleh bekas Perdana Menteri kita, Tunku Abdul Rahman; jika ya, adakah Kerajaan sedar tentang keadaan ini dan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, setakat pengetahuan Kementerian ini adalah tidak benar bahawa anasir-anasir sabversif telah meresap di dalam Badan-badan berkanun di bawah

Kementerian Perusahaan Awam. Bagaimanapun, Kementerian sentiasa mengawasi dan berwaspada tentang perjalanan Badan-badan tersebut dan jikalau ada didapati tandatanda bahawa anasir-anasir sabversif meresap masuk maka tindakan sewajarnya akan diambil.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau begitu jawapan Setiausaha Parlimen berkenaan adakah Kementerianya menganggap bahawa pandangan Yang Teramat Mulia Tunku bekas Perdana Menteri kita itu dongeng atau tidak betul. Itu saya hendak tahu.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidaklah harus kita buat mana-mana judgement mengenai pandangan sesiapa pun bahkan saya rasa mestilah kita berkehendakkan bukti sebelum kita dapat mengatakan ya atau tidak. Saya ingin menegaskan setakat dalam pengetahuan Kementerian ini telah menyiasat samada itu berlaku, setakat ini belum ada bukti. Kalau ada Ahli Yang Berhormat itu mengetahui apa-apa telah berlaku misalnya, sila beritahu kepada Kementerian ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu adalah lebih baik Kementerian berkenaan minta izin dan rukhsah kepada yang membuat statement ini yakni Yang Teramat Mulia Tunku bekas Perdana Menteri, buat apa minta kepada saya, lebih baik minta kepada Tunku. Kalau beliau bohong, ambil tindakan kepadanya. Itu sahaja kehendak saya.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyatakan bohong atau tidak, tetapi akan menyiasat atas perkara yang sebenarnya. Insyallah, Kementerian akan menulis kepada Yang Teramat Mulia Tunku supaya menyatakan dengan bukti di mana perkara itu berlaku.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Terima kasih.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan beritahu Dewan ini macam mana Kementerian itu boleh mengasingkan di antara pegawai-pegawai yang tidak mengikut arahan supaya

mengikuti dasar-dasar Kerajaan atau apakah tindakan terhadap sabversif-sabversif itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Puan Rafidah Aziz: Maaf, saya tidak faham soalan itu.

TEORI DOMINO

5. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa penganas-penganas komunis telah menggunakan "Teori Domino" kepada rakyat Malaysia dengan tujuan menguasai negara ini, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk melawan keganasan seperti ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa apa yang digelarkan Domino Theory itu adalah theory asas pihak komunis yang ditunjukkan bukan sahaja kepada orang kita di sini, tetapi juga kepada Tenggara Asia bahkan juga kepada seluruh dunia bebas yang menurut komunis akan jatuh satu-persatu sebagaimana yang diutarakan oleh Zhadanov pada tahun 1947 yang dipakai oleh semua komunis baik dari barat ataupun dari timur. Domino theory ini bukanlah satu keganasan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi adalah satu kepercayaan kepada pihak komunis dan maksudnya ialah supaya kepercayaan ini pula diterima oleh orang-orang kita yang bukan komunis supaya kita putus asa dan putus harapan menentang komunis kerana dalam kepercayaan itu akhirnya kemenangan komunis ini bukan sahaja menjadi satu kemungkinan tetapi menjadi satu keharusan perkara itu akan jadi tidak boleh tidak. Jadi, apabila rakyat biasa sudah mempercayai hal ini maka lemahlah semangat untuk menentang komunis sehingga umpamanya sanggup orang Islam menyesuaikan Ugama Islam itu dengan kepercayaan komunis. Inilah cara dia. Jadi caranya kita melawannya pula ialah kita mendedahkan bahawa teori domino itu palsu, tidak betul. Sebagaimana saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, sudah beberapa kali bercakap, baik menulis di dalam beberapa majallah samada di dalam negara ataupun di luar negara bahawa teori ini palsu dan daripada tulisan saya telah membawa beberapa hujjah-hujjah

dalam hal ini. Kalau, Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat hendak tengok kertas ini boleh saya edarkan pada hari esok kalau sekiranya dikehendaki.

Satu lagi caranya ialah kita menengahkan soal ketahanan rakyat yang membawa kepada ketahanan negara yang boleh membawa kepada ketahanan wilayah. Ini satu caranya dan dengan cara ini bolehlah kita menebalkan atau mentabahkan lagi keimanan kita sebagai satu benteng untuk melawan ideologi komunis.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan iaitu teori domino ini tidak betul. Dan kita percaya yang komunis ini tidak boleh mencapai kemenangan di negara kita. Tetapi rancangan komunis, bukan penganas seperti yang ditanya tadi; pada tahun 1946 komunis ini bukanlah hendak menjadi penganas komunis tetapi lari ke dalam hutan kerana partinya diharamkan di dalam negara ini. Maka mereka lari ke dalam hutan. Dengan sebab itu, pada hari ini ada tiga cara perjuangan komunis:

Pertama, di dalam hutan sebagai penganas yang dikatakan pasukan bersenjata (Liberation Army).

Kedua, dengan cara sabversif yang lebih tajam, dan

Ketiga, underground.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Menteri yang bertanggungjawab kalau senjata boleh kita hadapi dengan senjata; dia bunuh kita, kita boleh bunuh dia. Saya percaya kita boleh mendapat kemenangan. Tetapi apa jalan kita hendak menghancurkan-leburkan pergerakan underground dan subversif komunis mengikut Domino Theorynya, dengan ketiga-tiga cara ini akan dapat menghancurkan-leburkan kita dengan macam-macam cara

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalnya?

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan saya adakah kita berjaga-jaga di atas perkara ini? (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, adakah soalan itu maksudnya saya boleh menjawab, ada. Boleh dijawab begitu. Tetapi saya rasa elok

saya memberi sedikit keterangan supaya dapat kita dengan jelasnya menengok keadaan ini untuk memperkukuhkan lagi kepercayaan kita bahawa Domino Theory ini palsu.

Di dalam satu-satu keadaan yang komunis itu hendak menakluk satu-satu negara dia mesti mempunyai tiga perkara:

Pertama, benda yang dia mesti ada ialah askarnya (Assault Army). Ini daripada MCP bilangannya ada lebih kurang 2,000 tetapi di sempadan luar daripada Malaysia.

Kedua, dia mesti mempunyai infrastruktur untuk membantu Assault Unit ini masuk. Apabila askar ini masuk dia dapat bantuan daripada dalam. Maka dengan sebab itu, pada tahun 1969-1970 apabila dia berhasrat hendak memberontak sekali lagi sesudah dia kalah pada tahun 1960, memakan masa 9 tahun dia reconsolidate, dia mengirim lebih kurang 300 daripada askarnya masuk ke sini. Maka inilah yang kita buru, yang kita hentam. Ada yang mati lapar di Tras, baharu-baharu ini di Bentong kita tembak dua orang. Tidak lebih bilangannya daripada 200 orang ini tadi. Ini yang sentiasa kita bunuh dan kita buru. Kerja dia bukan hendak berperang dengan kita tetapi menyediakan barang makanan, jalan-jalan gurilanya dan sistem komunikasinya.

Jadi tugas kita memecahkan ini. Yang Pertama kita halang supaya jangan yang 2,000 ini masuk. Tetapi kalau dia masuk kita terpaksa menggunakan alat yang keduanya iaitu infrastructure. Ini kita telah ambil macam-macam tindakan. Satu daripadanya kita buat East-West Highway iaitu satu daripada benteng. Yang keduanya, Ampangan Temenggor. Jadi cara ini dengan sendirinya membuat dia tawar mengikut satu jalan. Memang kita tahu. Umpamanya, dia hendak masuk ke Pahang, dia mesti habis makanannya di Gua Musang. Jadi, sekarang Gua Musang kita amankan dengan adanya beberapa pasukan askar dan kita korek dan cari makanannya dan sebagainya. Jadi dengan cara ini kita tahu dia tidak boleh datang. Kalau dia datang pun dia akan lapar. Sebagaimana yang kita tahu pada tahun 1974 dulu banyak yang mati kebuluran sebab tidak cukup makanan.

Yang ketiganya, yang kita mesti jaga barangkali tidak ketara bahawa ada bersangkutan-paut dengan yang kedua tadi; tetapi macam kata Yang Berhormat, iaitu United Frontnya, Infrastructuurenya mengandungi M.N.L.F. dan M.N.M.L. dan sebagainya. Orang ini atau infrastructure ini yang mengutip duit dan menyebarkan kertas dan kadang-kadang baling bom sana-sini, buat kacau-bilau macam di Pertang. Tetapi bukan askar yang betul-betul yang bersenjata untuk berjuang atau berperang untuk mencari kemenangan, hanya untuk buat kacau-bilau. Kemudian yang ketiganya tadi badan yang dikatakan United Front. Inilah yang kita khuatir adakah ianya ada di dalam akhbar-akhbar, adakah dia di dalam pejabat-pejabat Kerajaan, adakah dia di dalam Parti Politik. Ini juga yang kita mesti sisirkan supaya ianya tidak dapat berkuasa. Kerjanya tidak banyak. Satu daripada kerjanya macam kata Yang Berhormat tadi iaitu bagaimana rakyat kita boleh mempercayai kepada Domino Theory, dengan setidak-tidaknya dia boleh bercakap, dengan cara begitu supaya lemah semangat kita. Jadi apabila datang askar yang daripada luar tadi kita dengan sendirinya terima sahaja dengan tangan yang terbuka.

Jadi, langkah-langkah ini semuanya kita buat umpamanya tiap-tiap malam, Yang Berhormat tentulah dengar dan tahu kita buat "Operation Sapu" bukan sahaja gangster yang kita kerjakan, yang sebetulnya kita kerjakan kominis daripada pihak infrastructure ini iaitu underground movementnya. Ini sentiasa berjalan dan dalam hal ini kita bekerja rapat dengan Singapura kerana istilah kominis, Malaya dan Singapura itu satu. Dia pun tidak ada sempadan dan kita pun tidak ada sempadan. Berdasarkan maklumat-maklumat daripada kita maka banyak yang ditangkap di Singapura itu. Begitu juga banyak maklumat-maklumat daripada Singapura yang kita dapat tangkap di sini. Bilangan yang ditangkap itu oleh kerana angkanya tidak ada pada saya; maka saya tidak dapat keluarkan hari ini. Tetapi tidak lama lagi saya berharap dapat mengeluarkan satu statement berkenaan dengan hal ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam

jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi kita sangat berpuas hati. Saya cuma hendak membuat soalan tambahan bahawa tidakkah boleh Yang Berhormat Menteri ini menukarkan perkataan "palsu" sebagaimana yang dikatakan tadi bahawa tiori domino ini palsu, kata Kementerian. Bolehkah ditukarkan dengan perkataan lain? Sebab perkara-perkara, berita-berita yang seumpama ini telah dapat diterima oleh rakyat. Jadi, kalau kita kata palsu, rakyat tidak dapat menerima bulat-bulat atas penerangan Kementerian ini mengatakan perkara ini palsu. Walau bagaimanapun, sedikit-sebanyak rakyat dalam negeri ini telah menerima sbaran-sbaran, khabar-khabar yang disebarkan oleh parti kominis.

Tan Sri Haji Muhammed Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, perkataan "palsu" ini digunakan sebagai satu istilah terhadap satu-satu tiori, tiori itu benar atau palsu, dan kepada saya tiori ini palsu. Khabar itu iaitu yang membuktikan bahawa tiori itu benar atau palsu, itu sahaja. Kepada saya tiori itu palsu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi berkenaan dengan subversive bahawa kita bekerjasama dengan Kerajaan Singapura, dengan sebab itu baharu-baharu ini tiga orang telah ditangkap di Singapura dan dengan tertangkapnya dua tiga orang ini, maka tertangkaplah Samad Ismail di sini. Dengan sebab itu, adakah ekoran daripada ini yang banyak lagi subversive-subversive ini di tanahair kita dapat ditangkap?

Tan Sri Haji Muhammed Gahzali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal tangkap-menangkap ini sentiasa akan dibuat dan janganlah diambil dari segi satu-satu personality diikatkan iaitu kita sentiasa mencari dan menjaga keamanan walau siapapun, walau di mana pun tetapi di dalam hal ini kita hendaklah menggunakan kebijaksanaan, jangan kita sendiri keliru di antara kader (cadre) dengan kuda. Jadi, di dalam hal ini kita sentiasa menyiasat dengan rapi di mana yang kita boleh selamatkan, kita selamatkan; yang mana kita tidak dapat selamatkan, kita cukup betul-betul dan Insyallah dengan kerjasama semua pihak, perkara ini akan sentiasa dijaga dengan rapi.

PERJANJIAN BARU KESELAMATAN SEMPADAN MALAYSIA/THAI

6. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada persetujuan telah tercapai untuk mengadakan satu perjanjian baru keselamatan Sempadan Malaysia/Thai;
- (b) jika sudah, sila nyatakan kandungan-kandungan perjanjian tersebut; dan
- (c) jika belum, sila nyatakan sebab-sebabnya.

Tan Sri Haji Muhammed Gazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal mengadakan satu perjanjian yang baharu antara dua negara ini adalah sebagaimana yang kita tahu di dalam peringkat perundingan dan pihak kita sedang meneliti cadangan-cadangan bahkan cadangan-cadangan ini akan dikirim kepada pihak Thailand dan perkara ini belum lagi selesai.

PENYAKIT PEREMPUAN (VENEREAL DISEASE)

7. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan kes-kes penyakit perempuan (Venereal Diseases) yang dilaporkan di Semenanjung Malaysia tahun lalu;
- (b) samada merebaknya penyakit ini kian bertambah atau berkurangan dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu; dan
- (c) langkah-langkah berkesan yang telah atau akan diambil untuk mencegah merebaknya penyakit ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kes penyakit kelamin yang dilaporkan oleh hospital-hospital kerajaan, kelinik-kelinik dan pusat-pusat kesihatan di Semenanjung Malaysia pada tahun lepas ialah 5,803 kes. Laporan mengenai penyakit ini tidak diterima daripada doktor-doktor per-sendirian. Oleh itu saya tidak dapat memberikan maklumat sepenuhnya. Mungkin Ahli Yang Berhormat dapat mengesakan rakan-rakan sejawat untuk melaporkan semua kes-kes penyakit ini ke Kementerian saya untuk tujuan rekod.

(b) Kementerian saya sedar tentang bertambah merebaknya penyakit ini akan tetapi Kementerian saya tidak boleh mengambil apa-apa tindakan yang penuh berkesan tanpa kerjasama dari sektor awam.

(c) Kementerian saya telah memulakan satu kajian kebangsaan di atas penyakit kelamin ini bermula dari 16hb Februari hingga 30hb April, 1976 untuk menilai sejauh mana masalah-masalah ini terdapat di Semenanjung Malaysia dan untuk menentukan faktor-faktor epidemiologi yang mungkin akan membantu di dalam pelaksanaan Rancangan Pengawalan Kebangsaan. Data-data yang dikumpulkan sekarang sedang diproseskan oleh Kementerian saya. Pelajaran Kesihatan di atas penyakit kelamin untuk orang awam dan untuk kanak-kanak sekolah sedang dikaji oleh Kementerian saya.

Dr Lim Keng Yeik: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menjelaskan tentang penyakit kelamin ada bertambah di negara kita, dan saya sendiri pun tahu ada banyak kes penyakit kelamin tidak pernah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini, adakah apa-apa tindakan dibuat untuk meminta semua doktor-doktor khususnya doktor-doktor swasta untuk melaporkan kes seperti ini kepada Kementerian yang berkenaan. Jika tidak ada, bolehkah Kementerian adakan kelinik khas di tiap-tiap hospital yang ada di bandar atau di luar bandar, sebab penyakit ini bukan ada satu-satu masalah penyakit sahaja tetapi ada satu-satu masalah sosial kerana ramai orang yang dapat penyakit ini malu bukan sahaja kepada dia sendiri tetapi kepada isterinya, takut memberi tahu kepada isterinya. Sebab itulah kebanyakan orang takut hendak berjumpa dengan doktor atau kelinik. Kalau diadakan satu kelinik khas mereka boleh masuk di situ, saya ingat kita boleh mengurangkan penyakit ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengadakan kelinik khas ini?

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan oleh Ahli Yang Berhormat itu

ialah satu soalan yang kebiasaannya Kementerian ini telah mengeluarkan borang-borang pada masa yang lalu untuk menasihatkan doktor-doktor swasta melaporkan penyakit-penyakit berjangkit kepada Kementerian saya untuk direkodkan penyakit-penyakit berjangkit yang berlaku di negara kita, tetapi malangnya tidak ada response yang baik daripada doktor-doktor swasta yang berkenaan. Semua doktor seperti Ahli Yang Berhormat juga sebagai doktor swasta tentulah faham apakah penyakit-penyakit yang berjangkit seperti venereal, typhoid, cholera, smallpox dan sebagainya. Ini ada undang-undang yang mesti dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan, malangnya tidak dapat kerjasama yang baik daripada pihak doktor swasta.

Perkara yang kedua yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan kelinik khas. Kita telah mengadakan dua buah kelinik khas satu di Sultan Street, Kuala Lumpur sudah ada beberapa lama tetapi kebanyakan pesakit cuai hendak masuk ke kelinik itu untuk mendapatkan rawatan perubatan, tetapi mereka itu senyap sahaja pergi berjumpa dengan doktor swasta untuk mendapatkan ubat-ubat atau rawatan-rawatan perubatan oleh doktor private. Jadi, kelinik khas di Sultan Street pada masa sekarang ini satu hari cuma mengadakan pemeriksaan antara 4 orang atau 8 orang sahaja, dengan sebab itu Kementerian saya sedang mengkaji kelinik khas ini akan diubah menjadi sebuah kelinik biasa untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit yang duduk dalam Wilayah Persekutuan.

Kita juga mengadakan sebuah kelinik khas di Jalan Lemak Pulau Pinang, begitulah juga tidak ada ramai orang yang datang. Dengan sebab itu kelinik khas itu telah diubah menjadi sebuah Poliklinik di Pulau Pinang yang sedang dijalankan tugasnya. Saya meminta kepada semua doktor-doktor swasta supaya memberi laporan ke atas kes-kes seperti penyakit yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kepada Kementerian saya, maka Kementerian saya dapatlah data-datanya yang up-to-date di negara kita ini untuk direkodkan pada masa yang akan datang. Saya merayu doktor-doktor swasta akan bekerjasama dengan Kementerian saya dan saya merayu kepada Ahli Yang Berhormat sendiri juga memberikan laporan

jikalau ada penyakit-penyakit yang berjangkit itu kepada Kementerian saya dengan tidak payah sebutkan nama sesiapa pun, beri bilangan sahaja pun cukuplah.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Menteri ini. Soalan yang timbul di sini ialah penyakit perempuan tetapi yang dijawabnya penyakit kelamin. Jadi mana satu penyakit perempuan dan mana satu penyakit kelamin, sebab kelamin ini lelaki dan perempuan. Apakah maksud penyakit kelamin dan apakah maksud penyakit perempuan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya penyakit kelamin ini dipanggil dengan bahasa yang halus (*Ketawa*).

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sukacita menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri iaitu soalan (a) jumlah bilangan kes-kes penyakit perempuan (Venereal Diseases) yang dilaporkan di Semenanjung Malaysia tahun lalu; dan jawapannya tidak ada. Saya mengambil satu kesimpulan, adakah hospital Kerajaan tidak merawat penyakit ini? Yang kedua, adakah kelinik swasta lebih baik daripada hospital Kerajaan sendiri, dengan sebab itu pesakit-pesakit tidak pergi ke hospital, mereka pergi kepada kelinik swasta. Saya bertanya soalan tambahan ini, adakah benar-benar hospital Kerajaan tidak ada merawat penyakit ini sehingga tidak dapat diadakan rekodnya. Yang kedua, adakah kelinik swasta lebih baik rawatannya daripada rawatan di rumah sakit, dengan sebab itu pesakit-pesakit tidak pergi menerima rawatan daripada hospital Kerajaan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak mendengar apakah jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tadi. Bilangan yang disebutkan tadi ialah 5,803 orang. Ini rekod pada tahun yang lalu iaitu daripada hospital-hospital atau Pusat-pusat Kesihatan Besar. Rekod ini daripada Kerajaan sahaja, tidak ada diterima apa-apa rekod daripada doktor swasta. Yang keduanya, saya harap Ahli Yang Berhormat ini menjadikan satu contoh yang baik kalau sesama laki-laki kita

minta (demand) berasa seronok sedikit. Barangkali perkara ini boleh dihapuskan. As long as there is a demand, there is a supply. Jadi kalau tidak ada demand, tidak ada supply. Demand ini daripada siapa? Daripada pihak laki-laki.

SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL

8. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau mempunyai sebarang rancangan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada Sekolah-sekolah Tamil di negara ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, ya. Kementerian Pelajaran mempunyai rancangan untuk memperbaiki keadaan Sekolah-sekolah Tamil yang ada dan juga semua jenis sekolah di mana perlu di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan yang tapaknya bukan dimiliki Kerajaan, Bantuan Modal akan diberikan. Dalam tahun 1976 Bantuan Modal sejumlah lebih kurang \$200,000 telah diluluskan bagi memperbaiki keadaan sekolah-sekolah Tamil, di Semenanjung Malaysia. Peruntukan yang diluluskan itu adalah untuk membiayai tambahan bilik-bilik darjah, membeli perabot, membina tandas, membekalkan air dan lain-lain. Pemulihan atau pembinaan Sekolah Tamil banyak bergantung kepada kesanggupan tuan-tuan tanah menyerah milik kepada Kerajaan.

PEMBANGUNAN TANAH

9. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kementerian di bawah Rancangan Malaysia Ketiga berkenaan dengan tanah-tanah kosong yang terbiar begitu sahaja;
- (b) samada beliau sedar bahawa rakyat jelata berkehendakkan sangat tanah untuk mendirikan rumah dan jika sedar, samada beliau akan mengambil langkah-langkah supaya bekas tanah lombong diselidiki untuk menentukan ada tidaknya hasil bijih dan jika tidak supaya tanah tersebut dibahagikan kepada rakyat; dan

(c) samada beliau sedar akan cantiknya pemandangan di sepanjang jalan keretapi di Bukit Merah, Perak dengan tasik-tasik yang ada di situ dan samada beliau akan membawa pakar untuk menguji dalamnya air tasik tersebut dan mengkaji kemungkinan untuk menjadikan tempat itu pusat pelancungan dengan kemudahan berperahu dll.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), sekiranya Ahli Yang Berhormat memaksudkan Tanah Kerajaan yang kosong, Kementerian ini telah merancang akan membuka banyak lagi rancangan-rancangan tanah di dalam jangka masa Rancangan Malaysia Ketiga ini bagi tanaman kelapa sawit, getah dan tanaman-tanaman lain. Rancangan-rancangan ini akan dibuka melalui agensi Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri.

Mengikut butir-butir yang dapat dipetik dari Buku Rancangan Malaysia Ketiga, matlamat pembangunan tanah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ialah kira-kira 1 juta ekar iaitu:

(i) FELDA	350,000 ekar
(ii) FELCRA	50,000 ekar
(iii) RISDA	100,000 ekar
(iv) Ajensi-ajensi Negeri	240,000 ekar
(v) Usahasama/ sektor swasta	260,000 ekar

Sebaliknya jika tanah yang dimaksudkan ini adalah tanah milik, Kementerian ini sedang menjalankan kajilidik sebelum satu program reformasi tanah dilancarkan. Kerajaan akan memperluaskan lagi kawasan-kawasan padi dua musim melalui perlaksanaan projek parit dan taliair untuk membolehkan penanam-penanam padi semusim menerima pendapatan yang lebih tinggi lagi. Di kawasan-kawasan di mana usaha ini tidak begitu sesuai, tanaman luar musim yang menguntungkan akan digalakkan. Tanaman-tanaman ini termasuklah tembakau, kacang tanah, kacang soya dan sayur-sayuran.

Berkenaan dengan tanah yang lain Kementerian Pertanian dan ajensi-ajensi Kerajaan yang lain sedang dan akan mengambil langkah yang berkesan untuk memajukannya. Ini termasuklah tanah yang terbiar dengan tanah yang tidak mengeluarkan hasil yang didapati kurang pada masa ini.

Soalan (b), Kementerian ini sedar, tanah lombong yang telah luput pajakannya pada kebiasaannya adalah diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri masing-masing dan terpulangnya kepada pihakberkuasa Kerajaan Negeri untuk merancang kegunaan kawasan itu. Bagaimanapun telah didapati banyak kawasan-kawasan seumpama ini telah dijadikan kawasan perumahan untuk rakyat.

Soalan (c), pihak Kementerian memang sedar bahawa kawasan di Bukit Merah mempunyai sebuah tasik yang luas tetapi haruslah ditegaskan di sini bahawa sumber-sumber alam semula jadi bukan kesemuanya dapat dijadikan asas pembangunan bagi kemudahan pelancungan. Berbagai-bagai perkara yang berkaitan dengan pemasaran, soal-soal ekonomi, letak kawasan tempat yang berkenaan, infrastruktur dan sebagainya perlu dipertimbangkan untuk menentukan samada sesuatu pembangunan itu dapat menghasilkan faedah ataupun tidak. Buat ketika ini Perbadanan Kemajuan Pelancungan telahpun memilih beberapa kawasan yang dipercayai mempunyai keupayaan untuk pembangunan kemudahan-kemudahan pelancungan.

Berdasarkan kepada keinginan pelancung-pelancung pada masa ini (samada pelancung dari dalam atau luar negeri) serta juga pasaran pelancungan di negara pada ketika ini dan pada masa-masa yang akan datang adalah dipercayai yang kawasan-kawasan yang dipilih itu memadai untuk menampung kehendak-kehendak pelancungan di negeri ini.

Oleh hal yang demikian, Kementerian ini akan mengambil ingatan tentang adanya sumber ini dan sekiranya ada tanda-tanda yang menunjukkan yang kemudahan-kemudahan yang disebutkan itu diperlu maka kajian-kajian yang tertentu akan diusahakan kelak.

BELIA DAN MAJLIS BELIA MALAYSIA

10. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

(a) anggaran bilangan belia-belia kita yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti penyeludupan di kawasan-kawasan sempadan Malaysia/Thai;

(b) langkah-langkah konkrit yang diambil oleh Kerajaan terhadap mereka; dan

(c) sejauh manakah kejayaan telah dicapai oleh Kementerian ini untuk menyatukan semula belia-belia kita di bawah sebuah Majlis Belia Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak dapat memberikan angka bilangan belia-belia yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti penyeludupan di kawasan-kawasan sempadan Malaysia/Thai oleh kerana Kementerian ini tidak ada rekod mengenainya. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1975 seramai 345 orang belia telah terlibat di dalam aktiviti-aktiviti penyeludupan yang telah ditangkap oleh pihak penguatkuasa dan 269 orang daripadanya telahpun didakwa mengikut undang-undang.

(b) Langkah-langkah yang diambil oleh pihak kastam tentang mencegah penyeludupan di kawasan-kawasan sempadan ialah dengan menambahkan "border patrol" di kawasan sempadan dan di kawasan laut. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi belia-belia Sempadan Malaysia/Thai adalah seperti berikut:

(1) Dengan melipatgandakan tenaga dan usaha bagi menubuhkan Persatuan-persatuan Belia di kawasan-kawasan sempadan serta menggalakkan belia-belia menganggotai di dalam Persatuan Belia.

(2) Menerusi Persatuan-persatuan Belia, belia-belia adalah digalakkan mengambil bahagian di dalam projek-projek ekonomi seperti Projek Belia Peladang dan lain-lain. Setakat ini bilangan Projek Belia Peladang di kawasan-kawasan sempadan sangat menggalakkan.

(3) Selain daripada itu, Kementerian juga mengadakan rancangan-rancangan Latihan Sivik Sambil Bekerja kepada belia-belia di

sempadan dengan menempatkan belia-belua di tempat-tempat Latihan Kemahiran.

- (4) Di samping itu rancangan-rancangan kursus sivik, kemah kerja dan kursus kepimpinan juga diadakan khas untuk belia-belua sempadan termasuk rancangan-rancangan Latihan Sambil Belajar ke Ibu Kota dan bandar-bandar besar.
- (5) Melalui Persatuan-persatuan Belia juga belia-belua tepi sempadan digalakkan menubuhkan unit-unit Rela.
- (c) Majlis Belia Malaysia telahpun disusun semula dengan mempunyai Perlembagaan yang baru. Semua Pertubuhan-pertubuhan Belia Kebangsaan melainkan Gerakan Belia 4B Malaysia, Pandu Puteri dan Briged Puteri telahpun bergabung semula. Mengenai Majlis Belia Negeri pula, yang telah ditubuh mengikut cara baru hanya 3 buah negeri sahaja iaitu Melaka, Perak dan Selangor belum diterima bergabung kerana sedikit masaalah Perlembagaan. Walau bagaimanapun, usaha sedang dijalankan untuk mengatasi masaalah ini supaya ketiga-tiga M.B.N. ini dapat diterima bergabung.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1976 telah selesai dipertimbangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1976 telah selesai dipertimbangkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.33 ptg.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Sebagaimana kita mengetahui sesebuah Perlembagaan itu ialah dokumen yang hidup dan yang perlu dan bijak jika keadaan berkehendakkannya dipinda daripada satu masa ke satu masa mengikut keadaan. Sesebuah negara itu mestilah berjalan mengikut masa dan keadaan dan perubahan di dalam negara itu dan oleh kerana dalam negara kita ini ada Perlembagaannya dan Perlembagaan itu menentukan beberapa hak-hak berkenaan dengan negara kita ini, maka sewajarnya Perlembagaan itu dipinda daripada satu masa ke satu masa. Perlembagaan kita daripada satu masa ke satu masa telah didapati telah dikatakan outdated dalam peruntukan-peruntukan yang tertentu dan molek dikeluarkan dan diperkemas dan daripada pengalaman kita dan mengikut perubahan keadaan dan masa ada peruntukan-peruntukan yang telah tertinggal bila masa kita menggubal dan membuat Perlembagaan kita itu dan ada kalanya peruntukan-peruntukan tidak ada di dalam Perlembagaan kita yang menyebabkan kesempatan diambil oleh golongan-golongan tertentu bagi menggunakan bagi faedah sendiri iaitu loop-holes dan omission yang ada dalam Perlembagaan kita. Kadang-kadang ada peruntukan-peruntukan yang telah didapati mengikut pengalaman kita telah menjadi impractical, tidak sesuai dan kadang-kadang terlampau sempit sehingga tergendala dan tertahan kemajuan serta perlincinan pentadbiran negara itu provision yang dikatakan unduly restrictive yang difikirkan patut dipinda dan diperkemas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan kita ini bolehlah dikatakan besar, kandungannya banyak iaitu lebih daripada 180 fasal dan boleh juga dikatakan sebuah Perlembagaan yang detail jika kita bandingkan dengan Perlembagaan-perlembagaan di negara-negara lain yang cuma mengandungi asas-asas bagi pentadbiran dan penyusunan

masyarakat serta ekonomi negara itu seumpamanya macam Perlembagaan Amerika Syarikat pendek dan tidaklah mengandungi peruntukan-peruntukan sama banyaknya bagaimana Perlembagaan kita. Walaupun demikian, Perlembagaan itu telah dipinda atau diubahsuaikan dengan cara peraturan yang tertentu iaitu melalui pentafsiran mahkamah-mahkamah supaya menyesuaikan peruntukan yang secara asas sahaja supaya disesuaikan dengan satu-satu keadaan yang berbangkit pada satu masa ke satu masa.

Perlembagaan kita tentulah kita mengetahui telah kita pinda beberapa kali dan daripada pengalaman kita pindaan-pindaan itu adalah bijak iaitu keadaan menunjukkan, membuktikan pindaan-pindaan yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan, pindaan-pindaan pada Perlembagaan kita adalah bijak dan kita sendiri sedikit-sebanyak mengetahui dengan pindaan-pindaan itu kita dapat dari satu masa ke satu masa menentukan ketenteraman, keharmonian serta kemajuan dan pelinciran pentadbiran negara kita ini. Sungguhpun Perlembagaan kita telah dipinda beberapa kali tetapi yang kebanyakan pindaan-pindaan itu adalah tidak besar bilangannya melainkan satu pindaan iaitu bila masa kita hendak menubuhkan Malaysia. Pindaan pada kali itu ialah yang dikatakan massive amendment yang kita buat pada Perlembagaan kita, iaitu massive amendment bila masa kita menubuhkan Malaysia itu adalah terpaksa disebabkan kita hendak menyesuaikan dengan keadaan-keadaan negeri-negeri yang baru yang masuk menjadi sebuah atau dua buah atau pada masa itu dengan Singapura tiga buah negara yang mencampuri dirinya di dalam Persekutuan kita.

Selain daripada itu, pindaan-pindaan itu adalah kecil dan ada juga pindaan-pindaan yang amat mustahak iaitu pindaan-pindaan yang kita buat selepas Peristiwa 13 Mei 1969. Pindaan-pindaan yang amat mustahak pada perkara-perkara yang tertentu yang melibatkan ketenteraman, keamanan dan keselamatan negara kita. Saya menyebut masa-masa ini adalah menunjukkan iaitu kita membuat pindaan kepada Perlembagaan kita bukan dengan sewenang-wenangnya, dengan kesukaan hati kita, dan kita membuat pindaan ini kerana kita terpaksa dan berkehendakkan memperkemas lagi per-

untukan-peruntukan yang kurang dan tidak ada di dalam Perlembagaan kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang telah dikemukakan kali ini tidaklah berapa banyak dan boleh jadi sedikit sahaja peruntukannya yang boleh dikatakan kontroversial dan kebanyakannya tidaklah kontroversial, tetapi administrative berbangkit daripada perbincangan dan perjanjian kita dengan negeri-negeri Sabah dan Sarawak khususnya. Menurut perjanjian kita di dalam Inter-Governmental Committee atas masalah-masalah pentadbiran, penyatuan dan perkara-perkara yang selepas masa yang tertentu patut diserahkan atau ditadbirkan atau dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan dan sebagainya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menegaskan di sini iaitu pindaan yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini ialah selepas dipertimbangkan beberapa lama iaitu tidak kurang daripada dua tahun selepas perundingan, khususnya dengan negeri-negeri Sabah dan Sarawak menurut perjanjian kita di dalam Laporan Inter-Governmental Committee. Begitu juga selepas cadangan-cadangan diterima daripada Kementerian-kementerian dan juga pandangan-pandangan daripada badan-badan seumpama macam National Finance Council. Pandangan badan seumpama itu berkenaan dengan meluaskan lagi kuasa memberi pinjaman kepada State sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui ada peruntukannya di dalam pindaan ini dan juga pindaan-pindaan yang telah dikemukakan daripada badan-badan yang lain.

Selain daripada itu, saya suka juga menegaskan betapa cermatnya kita bekerja sebelum kita mengemukakan satu-satu pindaan kepada Perlembagaan kita. Oleh kerana kita mengetahui sangat iaitu Perlembagaan itu ialah satu dokumen yang mustahak yang menjadi panduan kepada rakyat jelata, kepada pentadbir, kepada mahkamah, kepada penduduk samada dalam dan luar negeri. Oleh yang demikian, tiap-tiap pindaan yang dikemukakan samada di Dewan yang mulia ini ataupun di Dewan Rakyat adalah diambil selepas kajian dan penyelidikan yang halus dan perbincangan yang panjang lebar. Selain daripada itu, tapisan-tapisan lagi diperbuat sebelum pindaan ini dikemukakan ke Majlis yang mulia ini iaitu tapisan yang dikehendaki

oleh Perlembagaan di sini iaitu sebelum diadakan pindaan dan dikemukakan pindaan ke Dewan Rakyat ataupun ke Dewan ini terlebih dahulu hendaklah mendapat persetujuan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri daripada perkara-perkara yang ditetapkan dalam Perlembagaan kita sebelum kita mengemukakan pindaan itu. Di samping itu, tapisan lagi iaitu pindaan-pindaan berkehendakkan persetujuan Majlis Raja-raja dan akhirnya pindaan-pindaan ini telah ditapis dan dikaji dari semua segi political, economic, social dan sebagainya oleh Kabinet sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, daripada hasil-hasil tapisan dan kajian-kajian ini inilah hasilnya dan pada hari ini saya bangun di sini mengemukakan pindaan ini dengan keyakinan iaitu Dewan ini akan menerima pindaan ini dan membahaskannya memberikan pandangan atas pindaan ini dan bagi pihak kami di sini akan jika perkara-perkara dibangkitkan memberi penjelasan atas tujuan dan maksud satu-satu pindaan itu jikalau tidak berapa terang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat hendak bercakap panjang iaitu dengan memberi penjelasan tiap-tiap satu peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini, rasa saya memadailah saya menyentuh satu dua perkara sahaja yang difikirkan mustahak yang barangkali ada keraguan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kebanyakan peruntukan-peruntukan dan tujuan-tujuan pindaan itu adalah dihuraikan di dalam Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya memberi pandangan dengan sepintas lalu pindaan-pindaan yang berbangkit yang telah termaktub dalam Rang Undang-undang ini iaitu pertamanya di dalam Clause 2 dalam Bil iaitu berkaitan dengan nama Persekutuan kita, Negeri dan Wilayah Persekutuan iaitu di dalam Article 1 seperti yang disebutkan dalam Clause 2 Rang Undang-undang ini.

Clause 3 berkenaan dengan agama bagi Persekutuan mengenai Ketua Ugama di Negeri-negeri yang tidak ada Beraja dan bagi Clause 4 Rang Undang-undang itu, ini barangkali mustahak dan harus mendatangkan kekeliruan. Clause 4 dalam Rang Undang-undang ini ialah berkenaan dengan Article 5 yang ada sangkut-pautnya dengan

kebebasan diri yang dikatakan the liberty of the person itu. Saya akan menyentuh Clause 4 ini dihujung ucapan saya ini.

Clause 5 adalah berkenaan dengan keabdian dan kerja paksa yang dilarang iaitu forced labour. Undang-undang dan negara kita tidak meluluskan iaitu pekerjaan dengan secara paksa.

Clause 6 berkaitan dengan Perkara 12 dalam Perlembagaan kita iaitu hak berkenaan dengan pelajaran. Ini barangkali berkehendakkan penarangan sedikit daripada saya maksud dan tujuan pindaan kepada Article 12 (2) kepada Perlembagaan itu yang ada terkandung dalam Clause 6 Rang Undang-undang ini.

Dan pindaan ini ada juga menyentuh mengenai kewarganegaraan (citizenship) dalam Clause 7 Rang Undang-undang ini iaitu pada Article 24 berkenaan dengan melucutkan kewarganegaraan kerana memperoleh atau menggunakan hak kewarganegaraan negeri asing dan lain-lain dan begitu juga Clause 8 Rang Undang-undang itu berkenaan dengan perlucutan juga jika seseorang itu menggunakan hak yang diberi oleh sesebuah negeri asing kepada mereka itu jadi citizenshipnya bolehlah dilucutkan. Itu ada terkandung dalam Clauses 7 dan 8 Rang Undang-undang (Pindaan).

Selain daripada itu ialah kebanyakannya yang menyentuh Persekutuan iaitu pada Clause 9 Rang Undang-undang yang ada kaitannya dengan Article 32 yang berkenaan dengan Yang di-Pertuan Agong sendiri serta Raja Permaisuri Agong dan Clause 10 berkenaan dengan Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan Clause 12 ini berkenaan dengan jika Yang di-Pertuan Agong itu dengan disebabkan keuzurannya tidak dapat menjalankan tugasnya dengan diberikan peruntukan di dalamnya bagi Timbalan Yang di-Pertuan Agong boleh menjalankan tugas-tugas dan kuasa Yang di-Pertuan Agong itu.

Clause 14 ialah berkenaan dengan Article 42 iaitu kuasa bagi mengampun dan lain-lain yang berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan agama Islam. Clause 15 ialah berkenaan dengan Article 48 berkenaan dengan hak kelayakan menjadi Ahli Parlimen. Clause 16 yang berkaitan dengan Article 54 berkenaan dengan vacancies di

dalam Senate atau casual vacancies (kekosongan) dalam Dewan Negara dan kekosongan di luar jangka. Yang lain-lain itu ialah berkenaan dengan pentadbiran. Selain daripada itu, ada cadangan pindaan daripada Article 99 iaitu berkenaan dengan peruntukan-peruntukan kewangan yang saya fikir yang mustahak di sini ialah berkenaan dengan Clause 21 di dalam Bil itu berkenaan dengan Article 106 yang berkenaan dengan kuasa dan kewajipan Juru Odit Negara yang diberi kuasa supaya boleh mengodit Kira-kira Badan-badan Berkanun yang tidak ada kuasanya sekarang ini di dalam peruntukan sekarang.

Dan berkenaan dengan Negeri, rasa saya Clause 23 Rang Undang-undang itu tentulah menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Negeri-negeri yang ada kaitannya dengan Article 111 iaitu sekatan meminjam oleh Negeri-negeri, pindaan itu ialah melonggarkan sekatan yang ada sekarang dan memberi kelegaan sedikit supaya Negeri boleh meminjam bukan sahaja terhad kepada masa yang boleh dia meminjam atau membayar balik bahkan juga daripada punca-punca dari mana Negeri-negeri itu boleh meminjamnya dengan syarat mendapat persetujuan dari Kerajaan Persekutuan.

Yang lain itu kebanyakannya ada berkaitan dengan Judiciary iaitu daripada Article 122 yang berkaitan dengan Perhakiman di dalam peruntukan ini iaitu Bahagian IX barangkali ialah harus mendatangkan salah faham bagaimana yang telah berlaku di Dewan Rakyat iaitu kuasa Hakim High Court dan kuasa Hakim Federal Court boleh mengambil sesuatu kes itu. Itu ada di dalam Clause 28 Rang Undang-undang. Dan yang lain kebanyakannya adalah berkaitan dengan Public Services mulai daripada Clause 30 dalam Rang Undang-undang ini yang berkaitan dengan Article 135 iaitu berkenaan dengan Perkhidmatan Awam, peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan Judicial dan Legal Service berkenaan dengan restriction on dismissal dan reduction in rank dan juga berkenaan dengan Suruhanjaya Pelajaran dan lain-lain.

Clause 40 Rang Undang-undang ini ialah berkenaan dengan Article 151 berkenaan dengan sekatan terhadap tahanan pencegahan iaitu restrictions on preventive detention dan yang lain itu ialah mengenai petition berkenaan dengan interpretation dan pindaan-

pindaan yang mesti diperbuat oleh kerana pindaan-pindaan yang kita buat kepada peruntukan-peruntukan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi saya suka juga memberi penerangan berkenaan dengan Clause 4 dalam Rang Undang-undang ini yang berkaitan dengan the liberty of the person itu dan sebagaimana Tuan Yang di-Pertua mengetahui Clause 4 itu yang ada di dalam Rang Undang-undang ini telah dipinda oleh Dewan Rakyat dan Dewan ini adalah dikehendaki mengambil perhatian kepada pindaan itu dan Clause 4 di dalam Rang Undang-undang ini bukanlah sebagaimana yang tercap di dalam Rang Undang-undang ini tetapi mengikut pindaan yang telah disampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Dengan ini peruntukan ini membangkitkan pandangan yang hebat bagi mulanya dan ini memang benar kalau mengikut pindaan yang asal yang ada sepertimana yang dicetak di dalam Rang Undang-undang sebagai Clause 4, itu memang membangkitkan keseimbangan dan pindaan yang menyentuh hak asasi iaitu fundamental liberties tetapi sebagaimana yang telah diterangkan di Dewan yang satu lagi bahawa ini adalah kesilapan bagi pihak Kerajaan dan kesilapan itu telah diperbetulkan. Dan tujuan sekarang ini ialah tidak ada perbezaan peruntukan jaminan hak asasi di dalam peruntukan yang ada sekarang iaitu mengikut Article 5 seseorang itu jika ditangkap dan ditahan hendaklah dalam masa 24 jam dibawa di hadapan Majistrit dan tidak boleh ditahan lagi jika tidak dengan kebenaran Majistrit. Hak ini tidak dicuit dan hak ini memang kita semua mengakui mesti diadakan dalam Perlembagaan kita dan pindaan sebagai proviso ialah bagi hendak menentukan undang-undang yang dibuat sebelum merdeka yang tidak ada jaminan seumpama ini bahawa seseorang itu mesti dibawa ke hadapan Majistrit dalam masa 24 jam.

Kalau ada undang-undang semacam itu tidak ada dibuat peruntukan iaitu cuma existing law dan law itu dibuat sebelum merdeka dan bila dibuat sebelum merdeka peruntukan jaminan liberty of the person ini menurut Article 5 boleh difikirkan tidak boleh dipakai dan dengan itu orang boleh ditahan dengan tidak dibawa kepada

Majistrit ditahan berbulan-bulan dan sebelum dibawa kepada Majistrit, ini tidaklah bermakna demikian. Ini bagi menentukan jika ada undang-undang semacam itu maka undang-undang ini mestilah juga mengikut peruntukan di dalam Perlembagaan kita iaitu satu undang-undang yang tinggi yang mengatasi daripada semua undang-undang yang kita buat iaitu peruntukan liberty of the person ini, hak dia dibawa ke hadapan Majistrit dalam masa 24 jam mesti dijalankan dan dilaksanakan dan kebanyakan undang-undang yang ada sebelum perang pun ada menguntukkan peruntukan iaitu seseorang itu mesti dibawa ke hadapan Majistret dalam masa 24 jam, melainkan satu undang-undang sahaja yang dibuat sebelum merdeka iaitu dikatakan Restricted Residence Enactment, undang-undang ini tidak ada membuat peruntukan jika seseorang itu dituduh dan diambil tindakan di bawah Enactment ini dan mereka itu mesti dibawa di hadapan Majistrit dalam masa 24 jam dan ini bagi hendak menentukan supaya undang-undang ini pun mestilah dipatuhi pada kehendak Perlembagaan kita sebab sungguhpun undang-undang ini dibuat sebelum merdeka dan Perlembagaan kita dibuat masa merdeka bahawa hak asasi peruntukan dalam Perlembagaan kita ini mestilah dilaksanakan. Dan sungguhpun ada kes-kes telah berlaku yang orang itu tidak dibawa ke hadapan Majisteret dalam tempoh 24 jam dahulu, tetapi ini mahkamah telah memutuskan iaitu undang-undang ini adalah sah walaupun dia dibuat sebelum merdeka dan tidak ada peruntukan itu tetapi ini hendak mengesahkan lagi undang-undang apa pun undang-undang jika tidak ada peruntukan ini mestilah patuh kepada peruntukan liberty of the person. Ini hak dia dibawa ke Majisteret dan dituduh di hadapan Majisteret dalam masa 24 jam.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak menerangkan di sini ialah berkenaan dengan Clause 6 dalam Rang Undang-undang itu yang berkaitan dengan Article 12 (2) iaitu berkaitan dengan hak berkenaan dengan pelajaran. Maksud di sini jika Ahli-ahli Yang Berhormat menengoknya pindaan yang telah dibuat ialah dengan

memotong 4 perkataan di dalam Article 12 (2) itu. Benarkan saya membacanya dalam Bahasa Inggeris yang berbunyi demikian:

“12. Rights in respect of education.

(1) x x x x x x x

(a) x x x x x x

(b) x x x x x x

(2) Every religious group has the right to establish and maintain institutions for the education of children”—dan ini dalam peruntukan yang ada sekarang ini, ada ayatnya: “and provide therein instruction” dan pindaan sekarang ini ialah dengan memotong perkataan: “and provide therein instruction in its own religion”;

dan ini bunyinya amatlah berat berkenaan dengan agama, tetapi maksudnya begini: Ini ialah hendak mengatasi masalah yang dihadapi oleh Kerajaan bagi hendak melaksanakan dasar pelajaran kita dan begitu juga hendak melaksanakan Education Act yang ada sekarang. Dengan adanya peruntukan ini ada golongan-golongan mengambil kesempatan membuka sekolah biasa iaitu mengajar secular subjects yang bermakna mata-mata pelajaran yang biasa seperti juga kita mengajar satu matapelajaran di sekolah-sekolah. Umpamanya, ada ilmu hisab, geography dan sebagainya, tetapi bagi hendak mengelakkan mendapat kebenaran sebagaimana kita mengetahui jika seseorang itu hendak membuka sekolah mesti mendapat kebenaran daripada Kementerian Pelajaran sebelum dia boleh membuka sekolah. Tetapi dengan adanya Article 12 dalam Perlembagaan yang ada sekarang ini: “and provide therein instruction in its own religion”, mereka yang membuka sekolah itu dan dikatakan sekolah itu ialah sekolah agama, jadi dengan sebab sekolah itu dikatakan sekolah agama yang mengajar agama dan tidaklah payah dan terpaksa dan mesti pihak ini meminta kebenaran daripada Kementerian Pelajaran mengikut kehendak Education Act. Jadi dia berlindung lari daripada kehendak Education Act itu dengan menggunakan sekolah ini ialah hendak mengajar agama, tetapi agama yang diajar ialah sebagai satu subject, barangkali boleh jadi setengah ($\frac{1}{2}$) jam atau satu jam sahaja dalam satu hari, yang lain sama mata-pelajaran yang biasa diajar, jadi dengan cara

begini maka tujuan dan kuatkuasa Education Act itu dapat dielakkan. Pindaan ini ialah memotong perkataan "and provide therein instruction in its own religion", i.e. the children's religion, dapat menutup lubang dan kesempatan ini telah diambil oleh golongan-golongan bagi hendak mengelak meminta kebenaran daripada Kementerian Pelajaran bila hendak membuka sekolah.

Yang kedua, saya hendak menerangkan sebagaimana saya sebutkan tadi iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat semua tentu mengetahui dan ramai telah menyuarakan tidak kepuasan hati berkenaan dengan badan-badan berkanun menjalankan tugasnya dan menyimpan kira-kira perbelanjaannya, yang mana kadang-kala badan-badan ini oleh kerana tidak ada undang-undang yang menentukan badan-badan ini sekiranya boleh jika dikehendaki oleh Kementerian yang berkenaan sekiranya diperiksa oleh Juru Odit Negara. Disebabkan tidak ada peruntukan itu maka kebanyakan daripada badan-badan seumpama ini mengadakan oditnya sendiri, atau mengupah odit-odit swasta. Sebagaimana kita mengetahui badan-badan berkanun ini setahun demi setahun adalah diberi peruntukan yang besar, jadi hendaklah kita adakan peruntukan di dalam Perlembagaan kita memberi kuasa supaya Juru Odit Negara berhak jika diarah boleh mengodit kira-kira badan-badan seperti ini. Ini ialah bagi menjaga keselamatan kewangan dan juga mengawasi perjalanan-perjalanan badan-badan berkanun ini.

Berkenaan dengan Clause 23 dalam Rang Undang-undang itu iaitu hak meminjam oleh negeri. Ini telah diperluaskan dan pada masa sekarang sesebuah negeri itu cuma boleh meminjam selain daripada Kerajaan Persekutuan meminjam daripada bank umpamanya dalam masa cuma 12 bulan sahaja, dan negeri ini hendaklah meminjam daripada bank sahaja yang dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan. Pindaan ini telah memperluaskan kemudahan-kemudahan ini kepada lima tahun dan bukan sahaja terhad pinjaman daripada bank bahkan juga boleh meminjam daripada institusi-institusi kewangan, tetapi dengan syarat mendapat persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan, saya tidak hendak bercakap menerangkan dengan panjang lebar oleh kerana kebanyakan peruntukan-peruntukan

yang ada di dalam Rang Undang-undang ini telah dihuraikan di dalam Rang Undang-undang itu, dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberi pandangan-pandangannya serta mempersetujukannya. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*).

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat telah maklum satu hari telah dikhaskan untuk perbahasan atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), dan juga cadangan telah dipersetujui bahawa Persidangan hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang ini telah dibaca kali yang ketiga dan diluluskan oleh Dewan ini. Supaya menjimatkan masa seberapa yang boleh, saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat menumpukan hujah-hujah dan perhatian-perhatian mereka kepada perkara-perkara dasar dan prinsip yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini, serta meringkaskan ucapan-ucapan mereka sedaya-upayanya.

Sebelum saya mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan, saya suka hendak tahu berapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini, dan yang hendak mengambil bahagian, sila berdiri.

Ada dua belas orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian, kalau saya beri 20 minit seorang, menjadi 240 minit iaitu selama 4 jam. Maka dengan sebab itu, saya boleh benarkan waktu maksima selama 20 minit untuk membahaskan Rang Undang-undang ini. Tetapi walau bagaimanapun, saya suka merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memendekkan ucapan mereka seberapa yang boleh.

4.16 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Perdana Menteri kita yang kita kasih yang telah membawa pindaan Perlembagaan kita yang mana sudah lama patut dijalankan, tetapi pada hari ini baru kita pinda dan minta diluluskan pada Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama Fasal 6 berkenaan dengan memberi hak pada kumpulan-kumpulan agama untuk menubuhkan dan menyelenggarakan institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak, dalam agama kumpulan itu masing-masing. Ini sangat-sangat umum, walau bagaimanapun saya menyokong pindaan itu sebab setahu saya ada dua kumpulan agama sahaja di negara kita yang menjalankan agama bagi kanak-kanak iaitu agama Islam dan agama Kristian. Itulah sebabnya kita tidak dapat orang-orang Islam dan orang-orang Kristian masuk menjadi anti nasional dan menjadi kominis, sebab kedua-dua ajaran agamanya hampir-hampir sama. Saya berharap kepada Kerajaan membenarkan banyak lagi sekolah-sekolah agama bagi kanak-kanak khasnya sekolah agama kanak-kanak yang beragama Buddha bagi orang-orang China dan kanak-kanak beragama Hindu bagi orang-orang Tamil. Kalau kanak-kanak China dalam pelajaran agama dan begitu juga anak-anak Hindu, saya percaya mereka ini akan taat setia kepada Raja, Negara dan diri mereka sendiri.

Pada masa ini saya perhatikan banyak pemuda-pemuda China sudah terpelencong ke puak kiri sebab tidak ada ajaran agama. Apa sahaja ajaran agama adalah menyuruh kita menjadi orang baik bukan menjadi orang-orang jahat.

Dengan adanya pindaan Perlembagaan ini Kerajaan patutlah menguatkuasakan supaya segala ajaran agama bagi kanak-kanak dikuatkan di negara kita ini supaya rakyat kita menjadi orang yang baik semuanya.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya masuk kepada Fasal 7 berkenaan dengan melucutkan kerakyataan. Saya menyokong kuat supaya pindaan Perlembagaan kita ini dijalankan. Kita tahu pada masa ini sudah banyak orang-orang jahat dari orang-orang baik. Oleh itu apabila mereka didapati sudah menyeleweng pada undang-undang negara, kita jangan diberi maaf lagi, lucutkan kewarganegaraannya dan diusir mereka dari negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kebahagian tiga Fasal 32 (d) pindaan Perkara 135 Perlembagaan. Saya minta jika seseorang didapati bersalah oleh hakim tidak ada lagi kediaman terhad, atau dipindahkan dari satu daerah ke satu daerah sebagaimana yang ada

sekarang ini. Saya dapati orang-orang yang telah dihukum pindah pada district-district yang lain sungguhpun diawasi oleh Polis tetapi kelakuannya bukan bertambah-tambah baik, tetapi beliau pula menjadi ketua-ketua samseng di daerah yang beliau dipindahkan itu. Yang eloknya, dihantar terus ke Pulau Jerejak bagi menjalankan kursus akhlak di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka bercakap sedikit mengenai Perlembagaan negara kita yang tidak dipinda iaitu berkenaan dengan Bahasa Kebangsaan dan Hak-hak Istimewa Orang-orang Melayu yang selalu diungkit-ungkit oleh orang-orang yang tidak tahu dan yang tidak mahu, tetapi tidak mempedulikan, kerana mereka tidak tahu akibatnya dan sudah patut Kerajaan mengingatkannya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak orang telah lupa pada Perlembagaan kita iaitu Bahasa Kebangsaan bahasa rasmi negara kita, tetapi banyak orang-orang yang mengaku taat setia kepada negara ini jijik pada Bahasa Kebangsaan. Satu misalan baru-baru ini apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengatakan iaitu tiap-tiap filem yang akan ditayangkan di TV selain dari filem Melayu hendaklah ada sarikata Bahasa Kebangsaan, di bawah gambar itu. Ini pun telah ada tentangan oleh orang kenamaan sendiri, kemanakah ketaatan mereka yang mengaku taat setia pada Raja dan negara? Mereka sudah lupa pada Perlembagaan kita yang Bahasa Kabangsaan bahasa rasmi negara ini. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, banyak orang sudah lupa pada Perlembagaan kita mengenai hak istimewa orang-orang Melayu. Kita masih terdengar lagi di Parlimen ini, di kedai-kedai kopi, di pejabat-pejabat iaitu orang-orang yang bukan bumiputra berkata, "Semua untuk orang Melayu, tanah untuk orang Melayu, teksi untuk orang Melayu, kerja di jabatan Kerajaan untuk orang Melayu." Di Dewan ini pun kita dengar baru-baru ini ucapan seperti itu. Kita maafkan mereka, sebab mereka lupa pada Perlembagaan kita.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada saudara-saudara saya, yang bukan bumiputra, marilah kita sokong dengan kuat Kerajaan kita yang dipimpin oleh Perdana Menteri kita yang baru yang kita kasihi, selalulah baca Perlembagaan negara dan ambillah kitab ini sebagai

panduan oleh sebab banyak rakyat di negara kita ini tak mahu meneliti Perlembagaan Negara kita. Itulah sebabnya banyak orang menjadi anti-nasional, banyak orang menyokong komunis walhal mereka duduk dalam negara yang kaya raya yang mana mereka tidak boleh mimpi akan mendapatnya di negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan sekali lagi jika perlu tolonglah pinda Perlembagaan kita dari satu masa ke satu masa supaya semua rakyat berpuas hati. Pada masa ini banyak rakyat lupa tanggungjawab mereka pada negara kita yang kita cintai ini. Banyak orang untuk mencari makan siang malam sahaja, macam haiwan, tetapi apa tanggungjawab pada negara mereka lupa.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan saya pada pindaan Perlembagaan ini dan saya menyokong penuh untuk diluluskan.

4.13 ptg.

Tuan Kam Woon Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak barcakap beberapa minit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh tentang Fasal 6 pindaan Perkara 12 (2) dalam Perlembagaan Persekutuan di mana terdapat dalam masyarakat tidak begitu senang dengan pindaan ini disebabkan kehilangan 4 perkataan ini iaitu "and provide therein instruction" selepas perkataan "the education of children". Ketiadaan empat perkataan ini soalnya ialah bagaimana seseorang itu hendak mengajar kanak-kanak pelajaran agama. Masyarakat akan menganggap yang buruk tentang kehilangan perkataan itu. Saya harap pihak Kerajaan akan menjelaskan kedudukan ini, sejak Perlembagaan kita mengengeritikan kebebasan beragama di bawah Perkara 11, pertanyaan selepasnya ialah bagaimana mereka boleh menyediakan arahan agama dalam bahasa mereka sendiri. Adakah ini menjadi kesalahan sekiranya arahan-arahan itu diberi dalam bahasa China dan bahasa Tamil.

4.15 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1971 semasa kita membahaskan pindaan kepada Perlembagaan rasa saya pada masa itu adalah satu perbahasan yang lebih penting daripada perbahasan yang kita

hadapi sekarang, kerana pindaan yang dibuat pada tahun 1971 itu mempunyai makna dan kesan yang lebih penting.

Saya bersetuju sepenuhnya dengan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi bahawa Perlembagaan ini adalah satu badan yang hidup. Kita terpaksa mengikut kehendak zaman. Saya percaya Perlembagaan ini akan dipinda lagi pada masa yang akan datang sekiranya didapati tidak sesuai. Sungguhpun saya mempunyai latar-belakang pangajian undang-undang dan selalu mengatakan di dalam segi pindaan kepada perlembagaan janganlah kalau boleh dipinda selalu sangat. Saya tidak bersetuju sama sekali atau 100 peratus dengan pendapat semacam itu. Saya bersetuju jikalau kita terpaksa meminda undang-undang itu untuk kebaikan kita semua, kita sanggup berbuat demikian. Sementara itu kita juga berhak memberikan pandangan-pandangan yang mencerminkan kehendak rakyat kita buat jangka waktu yang tertentu dan kita mestilah pandang kepada jangka waktu ini dan bukan jangka waktu 10 tahun yang lepas atau 10 tahun yang akan datang. Memandangkan kepada jangka waktu yang ini, saya dapati banyak perkara yang patut dipinda dan saya bersetuju kepada kebanyakan peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua supaya benar-benar saya menyentuh beberapa perkara yang sepatutnya saya sentuh dalam peringkat Jawatankuasa, tetapi untuk membolehkan penerangan yang lanjut daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Timbalan Menteri Undang-undang, izinkan saya membuat di peringkat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, diizinkan.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Terima kasih. Saya suka menyentuh terutama sekali berkenaan dengan pindaan kepada Perkara 5. Pindaan yang asal yang tertera di dalam Rang Undang-undang ini, kalaulah dimajukan saya sendiri juga tidak bersetuju, tetapi oleh kerana pindaan telah dibuat di peringkat Jawatankuasa di Dewan Rakyat, maka jelaslah bahawa tujuan pindaan itu adalah membetulkan ataupun mengadakan di dalam Perlembagaan kita apa yang telah diperakui oleh mahkamah sendiri.

Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi bahawa pindaan kepada Perkara 5 iaitu dengan menambah satu fasal kecil baru, yang bertujuan untuk menerangkan lagi bahawa apa juga tahanan yang dibuat di bawah Restricted Residence Enactment maka tahanan itu bolehlah dibuat dan tidak perlulah seseorang itu dikemukakan di hadapan Majisteret di dalam jangka waktu 24 jam seperti yang ada disebutkan di bawah Perkara 5 yang biasa. Peruntukan ini saya bersetuju. Begitu juga peruntukan yang ada dibuat di bawah Preventive Detention ataupun undang-undang yang kita telah setuju iaitu Internal Security Act yang mana seseorang itu boleh ditahan dan tidak perlu dibawa ke hadapan Majisteret di dalam tempoh 24 jam.

Undang-undang atau Restricted Residence Enactment ini juga penting di saat dan di zaman kita sekarang yang mana kita menghadapi bahaya-bahaya tertentu. Dengan adanya Undang-undang Restricted Residence ini maka bolehlah kuasa-kuasa dijalankan di bawah Enactment itu dan jikalau peruntukan tidak jelas di dalam Perlembagaan kita, maka patutlah dijelaskan. Kalau tidak salah saya dua tahun dahulu, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa sungguhpun tidak ada peruntukan tertentu dalam Restricted Residence Enactment, namun demikian kuasa yang diberi kepada Menteri Besar untuk menahan seseorang di bawah Undang-undang Restricted Residence adalah sah di sisi undang-undang. Jadi saya rasa inilah sebabnya yang mana Kerajaan membawa pindaan kepada Perlembagaan supaya menerangkan lagi kuasa-kuasa yang sudahpun wujud.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat dtempohkan selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.32 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Perbahasan disambung semula.

4.55 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya kata pada permulaan tadi kalaulah pindaan tidak dibawa di peringkat Jawatan-kuasa di Dewan Rakyat, saya sendiri mungkin tidak menyokong atas pindaan yang hendak dikemukakan, tetapi oleh kerana pindaan telah dibuat dan pada hemat saya pindaan yang dibawa itu adalah berpatutan, maka saya dengan sebulat suara menyokong pindaan kepada Perkara 5 Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka menyentuh berkenaan dengan Fasal 5 di dalam Rang Undang-undang ini yang bertujuan hendak meminda ataupun menambah satu lagi Fasal baru iaitu Fasal (3) Perkara 6. Saya cuba hendak mengerti apakah sebenarnya tujuan pindaan ataupun tambahan kepada Perkara ini sungguhpun di dalam Huraian ada disebutkan tujuannya, iaitu kalau boleh saya baca di sini disebutkan:

“5. Fasal 5 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Perkara 6 dengan menambah kepadanya suatu Fasal baru (4) untuk menjelaskan bahawa jika kesemua atau mana-mana bahagian tugas-tugas sesuatu pihak berkuasa awam dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis supaya dijalankan oleh suatu pihak-berkuasa awam yang lain maka perkhidmatan pekerja-pekerja pihak-berkuasa awam yang dahulu itu dengan pihak-berkuasa awam yang baru itu tidak akan dikira sebagai kerja paksa dalam erti Perkara itu dan tidak akan menghakkan pekerja-pekerja itu menuntut apa-apa hak.”

Saya kurang mengerti apakah latar-belakang yang menyebabkan Kerajaan membawa pindaan ataupun tambahan kepada Perkara ini. Adakah ini disebabkan dengan ugutan daripada pihak kesatuan sekerja ataupun apakah sebenarnya? Saya cuba baca dua tiga kali, cuba mengerti intisari pindaan kepada Perkara ini. Saya kurang jelas. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang dapat memberi sedikit penerangan atas latar-belakang sebabnya Perkara ini dibawa. Kalaulah ini disebabkan tindakan ataupun ugutan daripada kesatuan sekerja saya rasa patut diumumkan, patut diberitahu kepada rakyat kita bahawa ini satu perkara yang patut tidak boleh diugut-ugut. Kalau satu pihak-berkuasa itu telah dipindahkan

tugasnya kepada satu pihakberkuasa lain sudah tentu pihakberkuasa kedua yang baru itu mestilah menjalankan tugas-tugas atau kerja-kerjanya dengan betul, dengan saksama, dengan tidak perlu mengugut atau apa-apa jua sekalipun kerana perkataan yang penting di sini ialah perkataan "pihakberkuasa" (public authority). Pihakberkuasa telah diberi takrif di bawah Perkara 160, Tuan Yang di-Pertua, yang mana disebutkan "pihakberkuasa awam" (public authority), takrifnya ialah Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Gabnor sesuatu Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan sesuatu Negeri, Pihakberkuasa Tempatan, Pihakberkuasa Berkanun yang menjalankan kuasa-kuasa yang terletak kepadanya menurut Undang-undang Persekutuan atau Undang-undang Negeri, mana-mana Mahkamah Tribunal lain daripada Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi atau mana-mana pegawai atau pihakberkuasa yang dilantik oleh atau yang bertindak bagi pihak mana-mana daripada orang, Mahkamah Tribunal atau pihakberkuasa tersebut itu. Ini dia takrif yang diberi kepada pihakberkuasa awam.

Jadi sekarang ini di bawah Fasal 5 pindaan pada Perlembagaan ini disebutkan berkenaan dengan pemindahan kuasa ataupun tugas-tugas mana pihakberkuasa awam hendaklah dijalankan oleh satu pihakberkuasa awam lain dan mengikut pindaan ini tidaklah boleh dikatakan sebagai satu perkara yang boleh dianggapkan sebagai keabadian ataupun kerja paksa yang dilarang mengikut Fasal 6. Saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan Fasal 7 dan 8 pindaan Perlembagaan ini iaitu berkaitan dengan pindaan terhadap kewarganegaraan.

Nampaknya di bawah pindaan ini Kerajaan bercadang untuk menghapuskan perbezaan di antara mereka yang setakat ini duduk di dalam lingkungan negara-negara Commonwealth dan sekarang ini hendak dianggapkan di mana sahaja di luar Persekutuan, asalkan mereka duduk di luar Persekutuan tidak kira samada mereka datang daripada negara Commonwealth atau tidak. Mungkin Kerajaan ada sebab-sebab yang tertentu mengadakan pindaan kepada perkara ini. Saya tidak tahu samada ini

membuktikan bahawa Commonwealth itu satu perkara yang sudah hendak hancur atau sudah nampak kelemahannya iaitu ia tidak mempunyai makna seperti yang boleh dikatakan sepuluh tahun dahulu. Kalau sepuluh tahun dahulu boleh dikatakan kita megah dengan menjadi ahli Commonwealth, mungkin sekarang kita dapati tidak mempunyai makna yang besar lagi jikalau kita menjadi seorang ahli Commonwealth. Adakah itu sebabnya yang kita sekarang ini tidak mahu membezakan di antara negara Commonwealth dengan negara yang bukan Commonwealth kerana bila kita baca pindaan yang dibuat kepada Perkara 24 dan 25 iaitu di bawah Fasal 7 dan 8 di dalam Rang Undang-undang pindaan kepada Perlembagaan ini kita nampak bahawa perbezaan itu sudah timbul. Di bawah perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingatkan Kerajaan bahawa sungguhpun kita menghadkan warganegara kita untuk mengambil bahagian dalam tugas-tugas politik ataupun umpamanya mengundi di dalam pilihanraya di negeri Commonwealth atau di negeri-negeri lain, tetapi kadudukannya tidaklah boleh dikatakan sama kalau kita bandingkan dengan rakyat umpamanya rakyat British yang kemudiannya menjadi rakyat Malaysia. Di sini kita mengatakan jikalau rakyat Malaysia itu mengundi di dalam pilihanraya di negara British umpamanya, jadi dengan perbuatan seperti itu maka rakyat itu boleh dilucutkan kerakyatannya. Walaupun seseorang rakyat itu lahirnya di negeri ini, tidak ada tempat lain dia hendak pergi, tidak ada tempat lain yang mahu menerimanya sebagai rakyat, tetapi kita di bawah Perlembagaan kita boleh melucutkan kerakyatan seseorang itu.

Kalau kita bandingkan pula sebaliknya dengan seorang rakyat lain, umpamanya rakyat British yang menjadi warganegara Malaysia secara berdaftar ataupun secara naturalisation umpamanya, mereka boleh menjadi rakyat negara kita. Tetapi bagaimana pula kedudukan kerakyatan mereka? Adakah mereka lucut kerakyatan asalnya iaitu kerakyatan British itu? Mengikut Undang-undang British mereka tidak lucut kerakyatannya. Apa yang terjadi kepada mereka itu yang mengambil kerakyatan baru umpamanya kerakyatan negara Malaysia ini, apa yang terjadi kepada mereka itu ialah kerakyatan British mereka itu hanya tergantung buat sementara. Maknanya bila

mereka tidak suka menjadi warganegara kita dengan secara otomatis rakyat British yang asal tadi timbul semula. Ini satu perbezaan yang patut kita selidiki dengan halus-halus. Kerana apa? Kita banyak mempunyai warganegara British yang menjadi rakyat Malaysia, hanya untuk kepentingan mereka buat sesuatu masa, saya tidak mengatakan kesemuanya begitu, tetapi ada yang mempunyai sikap yang demikian. Mereka menjadi warganegara Malaysia atas sebab-sebab yang tertentu kerana mereka boleh mendapat pekerjaan di sini, mereka boleh duduk di sini, tetapi bila mereka tidak suka bila-bila masa mereka boleh balik ke negeri mereka dan secara otomatis kerakyatan negeri British mereka yang asal itu akan timbul semula. Di sini tidak ada keseimbangan. Maknanya ada perbezaan, kebaikan bagi rakyat British tadi dan tidak pada rakyat kita dan perkara yang seperti ini patutlah kita kaji dengan sehalus-halusnya. Kalau ada reciprocity seperti itu tidak apa. Tetapi kalau ini menjadi hanya jalan sehala sahaja (one way traffic) rasa saya patut kita timbangkan perkara ini sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka menyentuh Fasal 10 berkenaan dengan pindaan kepada Perlembagaan ini iaitu berkenaan dengan perkara untuk membaiki (atau memberi nama yang baik) lagi penggilan kepada Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Dahulu di bawah Perlembagaan kita gelar dia sebagai Timbalan Kepala Utama Negara. Namanya pun tidak sedap, patutlah kita pindahkan kepada Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Di sini saya rasa patutlah juga kita bercermat kerana nampaknya ada kuasa yang mana Timbalan Yang di-Pertuan Agong boleh menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong dalam masa yang tertentu jika Timbalan Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa adalah perlu dan mustahak tugas-tugas itu dijalankan. Jadi, saya minta supaya perkara ini jangan timbul silap faham di antara kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong dan kuasa-kuasa Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Ini saya rasa maksudnya ialah untuk membolehkan Timbalan Yang di-Pertuan Agong bertindak sekiranya satu perkara berlaku di luar dugaan seperti yang termaktub di dalam Perkara 33 Perlembagaan kita. Perkataan "during any inability" ataupun dalam

Bahasa Kebangsaannya "tidak berupaya," ini satu perkara yang boleh menjadi sensitif juga jikalau kita tidak bercermat.

Walau bagaimanapun saya percaya oleh kerana apa juga perbuatan Yang di-Pertuan Agong atau Timbalan Yang di-Pertuan Agong itu dilakukan hanya setelah menerima nasihat Perdana Menteri, rasa saya peristiwa semacam ini mungkin tidak timbul. Walau bagaimanapun inilah perkara yang saya suka membawa kepada pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, supaya kita perhatikan perkara ini dengan cermat.

Selepas sahaja kita meluluskan pindaan yang disebutkan di sini iaitu dipinda daripada perkataan "Timbalan Kepala Utama Negara" kepada "Timbalan Yang di-Pertuan Agong," saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri juga patutlah kemukakan kepada Dewan ini dan juga Dewan Rakyat pindaan kepada undang-undang No. 72 Tahun 1957 iaitu Undang-undang digelar The Yang di-Pertuan Agong (Exercise of Functions) Ordinance di mana pindaan yang sesuai patut juga dibuat kepada Ordinan itu.

Saya juga suka meminta penjelasan sedikit kepada Timbalan Menteri Undang-undang atas Fasal 12 yang mana sekarang ini nampaknya Yang di-Pertuan Agong tidak boleh memegang apa-apa jawatan berpendapatan. Sekarang ini hendak dipinda kepada Yang di-Pertuan Agong tidak boleh memegang jawatan yang baginya ada apa-apa saraan (appointment carrying any remuneration). Saya harap peruntukan yang dibuat di bawah Civil List itu dikecualikan daripada perkara ini. Kalau maknanya Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menerima apa-apa saraan, saya rasa itu mestilah dikecualikan saraan ataupun remuneration yang di bawah Civil List yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan sendiri iaitu kalau tidak salah saya Peruntukan Diraja adalah di bawah Perkara 35 Perlembagaan kita. Di sini janganlah dimaknakan remuneration itu bermakna semua sekali kerana perkataan remuneration telah juga diberi tafsiran di bawah Perkara 160.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh berkenaan dengan pindaan kepada Perkara 111 seperti yang tertera di bawah Fasal 23 yang mana Kerajaan Negeri sekarang ini bolehlah meminjam daripada bank-bank ataupun

badan-badan lain lebih daripada 12 bulan. Memandangkan kepada betapa pesatnya perkembangan ekonomi di peringkat-peringkat negeri maka sudah tentu perlunya bagi negeri-negeri dibenarkan meminjam daripada bank-bank ataupun badan-badan lain seperti Institusi-institusi Kewangan yang lain lebih daripada jangka waktu 12 bulan. Kerana biasanya kalau kita mengadakan satu-satu projek, umpama projek hendak membina empangan air, sudah tentu Kerajaan Negeri itu tidak mampu hendak membayar dalam tempoh 12 bulan. Tetapi kalau dia hendak meminjam dalam jangka waktu lima tahun maka bolehlah. Biasanya kadangkang projek semacam itu memerlukan masa yang lebih lima tahun tetapi rasa saya ada baiknya kita kawal supaya Kerajaan Negeri tidak boleh meminjam lebih daripada lima tahun. Pada hemat saya pindaan yang dibuat di sini sangatlah bijak dan ini mendapat sokongan penuh dari saya. Bukanlah semua negeri akan mampu meminjam ataupun mampu memberi guarantee. Ada negeri-negeri yang mampu, ada negeri-negeri yang tak mampu. Janganlah dengan ada peruntukan ini semua negeri hendak meminjam luar daripada Kerajaan Persekutuan dengan masa yang panjang. Saya rasa patutlah Kerajaan Persekutuan sendiri iaitu Menteri Kewangan dan Perbendaharaan meneliti semua pinjaman yang hendak dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, ataupun apa juga guarantee yang hendak diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah peruntukan yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh berkenaan dengan Perkara 122A iaitu satu perkara baru yang mana boleh membantu Mahkamah-mahkamah Tinggi untuk menjalankan urusannya. Seperti kita sedia maklum perbicaraan di Mahkamah Tinggi sekarang ini dijalankan oleh Hakim-hakim Mahkamah Tinggi yang kuasa-kuasa perlantikannya itu dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dahulu angka itu telah dihadkan, sekarang ini nampaknya angka itu hendak diluaskan, hendak ditambah iaitu tambahannya tidaklah perlu dengan perkara itu dibawa kepada Parlimen lagi tetapi memerlukan dengan kuasa yang diberi kepada Yang di-Pertuan Agong. Nampaknya di sini untuk membantu Hakim-hakim Mahkamah Tinggi di bawah pindaan ini dicadangkan supaya ada pula satu jenis

lagi kehakiman yang digelar Pesuruhjaya Kehakiman (Judicial Commissioner) yang hendak dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk membantu Hakim-hakim Mahkamah Tinggi. Sungguhpun Pesuruhjaya Kehakiman ini bukan satu perkara baru, kerana kalau kita lihat di dalam Perlembagaan yang ada ini kita dapati bahawa di Sabah dan di Sarawak peruntukan semacam itu telahpun ada iaitu di bawah Perkara 122A (3) yang mana ada disebutkan:

“Untuk menyegerakan urusan Mahkamah Tinggi di Borneo di sesuatu kawasan di mana seorang hakim mahkamah itu tidak ada pada masa itu untuk menjalankan urusan mahkamah itu, Yang di-Pertuan Agong apabila bertindak atas nasihat Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, atau, bagi sesuatu kawasan di mana-mana satu negeri Borneo, Gabnor Negeri itu apabila bertindak atas nasihat Hakim Besar Mahkamah itu, boleh dengan perintah melantik seorang peguam atau seorang yang berkelayakan dari segi profesyen diterima sebagai seorang peguam mahkamah itu menjadi Pesuruhjaya Kehakiman di kawasan itu bagi apa-apa tempoh atau bagi apa-apa maksud sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu”.

Di sini sudah jelas ini bukan satu perkara baru. Di Sabah dan di Sarawak kuasa itu sudah ada yang mana seseorang boleh dilantik menjadi Pesuruhjaya Kehakiman (Judicial Commissioner).

Jadi sekarang ini kita juga bercadang hendak mengadakan satu lagi kelas ataupun jenis kehakiman yang digelar Pesuruhjaya Kehakiman bagi Malaysia Barat. Tetapi bezanya begini di Sabah dan Sarawak orang yang boleh menyandang jawatan Pesuruhjaya Kehakiman itu bolehlah seorang Peguam biasa sahaja tetapi di Malaysia Barat ini nampaknya orang itu hanyalah boleh diambil daripada seseorang yang mempunyai kelayakan menjadi Hakim Mahkamah Tinggi.

Ini nampaknya ada perbezaan, boleh jadi di Sabah dan Sarawak kita tidak mempunyai cukup orang-orang yang mempunyai taraf ataupun kelayakan menjadi Hakim Mahkamah Tinggi, tetapi di Malaysia Barat ini memang ramai. Ramai yang boleh menyandang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi iaitu seseorang Peguam yang menjalankan

amalanya sekarang-kurangnya sepuluh tahun atau biasanya lebih daripada sepuluh tahun atau lima belas tahun keatas, meraka itu layak kalau mereka mempunyai syarat-syarat yang lain diterima menjadi ataupun dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Tetapi apa yang saya kurang faham ialah perbezaan yang ada kenapa di Sabah hanya Peguam sahaja dan tidak disebutkan berapa lama dia telah menjadi Peguam tetapi di Malaysia Barat itu dibezakan pula mengatakan seorang Peguam ataupun seseorang yang layak menjadi Hakim Mahkamah Tinggi iaitu sekarang-kurangnya telah menjadi Peguam sepuluh tahun keatas. Dan juga saya meminta penjelasan bahawa orang yang menjadi Pesuruhjaya Kehakiman ini tidak akan diberi status second-class iaitu sungguhpun dia mempunyai syarat, memenuhi syarat, mempunyai kelayakan menjadi Hakim Mahkamah Tinggi tetapi statusnya hanya sebagai Judicial Commissioner sahaja dan menjalankan tugas-tugas yang dijalankan oleh Hakim Mahkamah Tinggi nampaknya di sini mungkin ada perbezaan sedikit. Dan saya tidak mahu dituduh mereka yang menjadi Judicial Commissioner itu ialah hanya second-class Judge sahaja. Janganlah perkara ini berlaku dan saya minta supaya Timbalan Menteri memberi keterangan sedikit berkenaan perkara ini supaya tuduhan yang semacam itu boleh dielakkan nanti. Kalau umpamanya Judicial Commissioner ini dilantik hanya untuk menjalankan kes-kes buat untuk satu masa sahaja, mungkin setahun sahaja, mungkin enam bulan sahaja, itu teranglah kepada orang ramai bahawa sianu anu itu dilantik hanya untuk satu jangka waktu yang tertentu sahaja, tetapi kalau mereka itu dilantik dengan tidak ada hadnya dari segi masa berapa lamakah mereka akan menjadi Judicial Commissioner sudah tentu satu tuduhan yang ia hanya menjadi second-class Judge mungkin timbul.

Saya juga minta penjelasan sedikit daripada Timbalan Menteri Undang-undang samada peruntukan baharu di bawah Fasal 28 iaitu khususnya Pindaan kepada Perkara 125A (1) (b) samada peruntukan ini tidak bertentangan dengan perkara 122c Perlembagaan kerana di bawah Perkara 125 (1)A ini dimaksudkan "walaupun apa juga yang terkandung dalam Perlembagaan ini, adalah dengan ini ditetapkan bahawa:

"(b) hakim Mahkamah Tinggi di Malaya boleh menjalankan semua atau mana-

mana daripada kuasa-kuasa Hakim Mahkamah Tinggi di Borneo, dan sebaliknya.

Dalam bahasa Inggerisnya:

"125A. (1) Notwithstanding anything contained in this Constitution, it is hereby declared that—

(b) a judge of the high Court in Malaya may exercise all or any of the powers of a judge of the High Court in Borneo, and *vice versa*."

Jadi kalau kita tengok pula Perkara 122c ada disebutkan:

"Perkara 122B tidaklah didapati mengenai pertukaran seseorang Hakim dari satu Mahkamah Tinggi ke suatu Mahkamah Tinggi lain, melainkan pertukaran itu adalah pertukaran Hakim Besar atau pertukaran sebagai Hakim Besar dan pertukaran itu boleh diperintahkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, setelah meminta fikiran Hakim-hakim Besar dari kedua-dua Mahkamah Tinggi itu."

Jadi, saya minta penjelasan sedikit daripada Timbalan Menteri bahawa Perkara 125A (1) (b) ini tidak mempunyai pertentangan dengan Perkara 122c.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan pindaan yang dicadangkan di bawah Fasal 30 iaitu berkenaan dengan pindaan Perkara 135. Di sini adalah bermaksud supaya peruntukan 135 itu dipinda dengan menggantikan noktah yang terdapat di hujung proviso kepada Fasal (1) kepada 135 dengan noktah bertindih dengan menambah selepas sahaja daripadanya satu proviso lagi seperti berikut iaitu satu proviso baharu ditambah iaitu:

"Dan dengan syarat selanjutnya bahawa Fasal ini tidak boleh dipakai bagi sesuatu kes di mana seorang anggota mana-mana perkhidmatan yang tersebut dalam Fasal ini dibuang kerja atau diturunkan pangkat oleh sesuatu pihak berkuasa menurut sesuatu kuasa yang diwakilkan kepadanya oleh sesuatu Suruhanjaya yang baginya dipakai di Bahagian ini; dan (b) ini yang pentingnya—

(b) dengan menggantikan noktah yang tersebut di hujung Fasal (2) Perkara 135 dengan noktah bertindih dan

memasukkan selepas sahaja daripadanya suatu proviso kepada Fasal itu seperti berikut:

“Dengan syarat bahawa Fasal ini tidak boleh dipakai bagi kes-kes yang berikut—(kes-kes inilah yang saya minta penjelasan iaitu di sini dikatakan)—

- (a) di mana seorang anggota sesuatu perkhidmatan itu dibuang kerja atau diturunkan pangkat oleh sebab kelakuan yang mengeniannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadap anggota itu.”

Ataupun dalam bahasa Inggerisnya,

“Provided that this Clause shall not apply to the following cases—

- (a) where a member of such a service is dismissed or reduced in rank on the ground of conduct in respect of which a criminal charge has been proved against him;”

Ini yang saya minta penjelasan sedikit masaalahnya “criminal charge has been proved against him.” Apakah yang dimaksudkan di sini? Adakah itu dimaksudkan yang seseorang Pegawai Kerajaan itu telah didapati bersalah oleh Mahkamah Undang-undang ataupun bagaimana? Adakah ini mencukupi dengan hanya satu tuduhan sahaja kalau dimaksudkan bahawa seseorang itu telah disabit, telah didapati salah satu convicted oleh Mahkamah, maka perkara itu jelas, tetapi nampaknya di sini tidak digunakan perkataan iaitu seseorang itu telah didapati salah. Maknanya tidak digunakan perkataan “in respect of which a person has been convicted” cuma dikatakan “in respect of which a criminal charge has been proved against him”. Ini ada perbezaan sedikit, mungkin pihak pendakwa boleh membuktikan sesuatu tetapi dia belum lagi didapati oleh Mahkamah bersalah. Ini ada bezanya, saya tidak tahu kenapa perkataan “convicted” itu tidak digunakan, mungkin ada sebab-sebab yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengambil masa yang panjang lagi, cuma saya hendak menyentuh sedikit sahaja lagi iaitu berkenaan dengan Fasal 43. Sekarang

ini dengan pindaan yang dibuat di bawah fasal 2 pindaan perlembagaan ini iaitu meminda Perkara 1, Fasal (2) yang mana perkataan Negeri-negeri Borneo itu tidak lagi timbul, jadi ini ada mempunyai pindaan-pindaan berkaitan ataupun consequential amendments. Jadi sekarang ini kalau kita pandang kepada Perlembagaan yang ada Negeri-negeri Persekutuan adalah terdiri daripada Negeri-negeri Tanah Melayu, iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor dan Trengganu; dan (b) Negeri-negeri Borneo iaitu Sabah dan Sarawak. Jadi sekarang ini pindaan baharu yang ada ini mengatakan “Perlembagaan adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan Fasal (2) Perkara 1 dengan yang berikut:

- (2) Negeri-negeri Persekutuan adalah terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Trengganu.”

Jadi, perkataan-perkataan Negeri-negeri Borneo itu tidak timbul lagi. Ini rasa saya ada baik kerana kita tidak mahu lagi beza-membeza di antara negeri-negeri Borneo dengan negeri-negeri yang dahulunya digelar Persekutuan Tanah Melayu. Itu ada baiknya, tetapi rasa saya, pindaan di bawah Fasal 43 ini tidak lengkap. Apa sebab saya kata pindaan ini tidak lengkap? Kerana kalau kita baca pindaan yang dicadangkan di bawah fasal 43 disebutkan begini.

“Perlembagaan adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Negeri-negeri Borneo” di mana-mana jua ianya terdapat dalam perlembagaan dengan perkataan-perkataan “Negeri-negeri Sabah dan Sarawak” ataupun dalam Bahasa Inggeris “The Constitution is hereby amended by substituting for the words “The Borneo States” wherever they appear in the Constitution, the words “the States of Sabah and Sarawak.””

Ini setakat pindaan kepada Borneo States itu mencukupi. Kalau dalam Perlembagaan itu hanya ada perkataan “the Borneo States” bolehlah kita mengganti perkataan “the Borneo States” itu dengan “the States of Sabah and Sarawak” ataupun “Negeri-negeri Sabah dan Sarawak”. Tetapi sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Perlembagaan

kita itu banyak perkataan-perkataan yang digunakan, perkataan "a Borneo State" ataupun "Borneo" sahaja; dan kalau begitu bagaimanakah akhirnya kalau kita terima pindaan ini? Jadi takrif kepada perkataan "a Borneo State" itu tidak ada di dalam Fasal 43. Patut Fasal 43 ini dipanjangkan, dilengkapkan supaya dia dipenuhi dengan takrif-takrif "consequential amendments" terhadap "the Borneo States", "a Borneo State" dan "Borneo" juga supaya kita boleh mentakrifkan sesuatu fasal itu dengan senang. Kalau saya boleh beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok di bawah Perkara 95B ada disebutkan "a Borneo State". Perkara 146C (1) ada disebutkan kedua-duanya sekali. Jadi kalau kita baca perkara 146C, apa akan jadi. 146C (1) berbunyi demikian:

"Jika peruntukan dibuat oleh undang-undang Persekutuan bagi menubuhkan suatu perkhidmatan bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi sesuatu Negeri Borneo (atau "a Borneo State") atau bagi Negeri-negeri Borneo (or Borneo States) samada berserta Persekutuan atau tidak"

Jadi kalau kita baca umpamanya Perkara 146C (1), jadi susah kita hendak mentakrifkan apa dia maksud di sini. Samada Sabah dan Sarawak ataupun cuma Sarawak sahaja yang bersetuju dan Sabah tidak bersetuju, bagaimana? Rasa saya patut, perkara ini patut diambil perhatian. Mungkin telah dibuat, mungkin ketinggalan. Saya harap pihak Timbalan Menteri Undang-undang akan mengambil perhatian perkara ini dan selapas itu pindaan yang sesuai kepada Perkara 43 dalam pindaan ini boleh dibuat kemudian hari supaya jangan terkeliru kerana Perlembagaan ini patut difahami apabila dibaca oleh seseorang maknanya terang, ini tidak bermakna hanya Ketua Menteri Sabah atau Ketua Menteri Sarawak sahaja yang mengertikan, saya rasa tidak patut begitu. Barang siapa juga yang membaca Perlembagaan ini patut jelas kepadanya apakah yang dimaksudkan. Saya rasa kalau dengan perubahan baru di bawah parkara 146C ini, 146C (1) dan juga banyak peruntukan-peruntukan lain di dalam Perlembagaan ini, maka sudah tentu orang yang membaca tidak akan jelas apa yang dimaksudkan di sini. Kalau di dalam perkara yang senang yang mana Sabah dan Sarawak dimasukkan sama, itu tidak menjadi masalah, tetapi kalau di

dalam perkara yang mana Sabah sahaja mungkin bersetuju dan Sarawak mungkin tidak bersetuju ataupun kita hanya menetapkan hanya satu negeri sahaja yang perlu bersetuju, sudah timbul kelam-kabut. Jadi saya mintalah perkara ini diambil perhatian oleh Timbalan Menteri Undang-undang supaya pada satu hari pindaan akan dibawa untuk membetulkan.

Setakat inilah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokongnya dengan sepenuhnya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong 100 peratus di atas pindaan Perlembagaan ini. Saya telah dengar bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan apa sebab-sebab hendak dipinda dan saya memang bersetuju sepenuhnya apa yang telah dikatakannya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh ini oleh kerana Perlembagaan ini pada mula-mulanya boleh dikatakan bukanlah kita yang membuatnya. Ini adalah dibuat oleh orang asing diwaktu mereka ini meneliti, menengok dan membuat Constitution itu di Rome. Sesudah kita memberi perbelanjaan yang banyak untuk membuat Perlembagaan ini kita sudah dapati apa isinya, pada mulanya kita bersetuju, tetapi pada hari ini dan hari-hari yang lepas kita telah beberapa kali meminda Perlembagaan ini.

Saya setuju oleh kerana banyak daripada pindaan-pindaan ini adalah untuk kebaikan belaka, tetapi di sini saya tidak hendak bercakap panjang di atas perkara-perkara yang lain, cuma satu dua perkara berkenaan dengan hak asasi kemanusiaan atau hak asasi warganegara. Apabila seseorang itu ditangkap mestilah dikemukakan kepada Majistret (pengadil) dalam tempoh 24 jam. Di dalam tempoh 24 jam dikemukakan kepada Majistret atau pengadil mengenai hak asasi manusia itu sebagai warganegara. Jadi saya mintalah kepada pihak-pihak yang berkenaan jangan dipukul walau apa salah sekalipun dan jangan sekali-kali dikenakan tangan. Perkara ini telah banyak pengaduan-pengaduan daripada rakyat yang menjadi warganegara negeri ini kononnya untuk mendapatkan rahsia. Kalau kita buat demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya terkenang di waktu Jepun memerintah dahulu, orang yang salah itu dipam air sabun ke dalam mulut

orang itu dan disuruh orang itu mengaku, kemudian dihadapkan ke mahkamah. Jadi inilah yang saya minta kepada Kerajaan kita yang mengamalkan demokrasi supaya kejadian-kejadian ini tidak berlaku agar kita dapat gambarkan kepada dunia luar iaitu kita betul-betul mengamalkan demokrasi. Kita tahu banyak gangster-gangster dan orang-orang jahat kalau tidak dibuat begitu mereka tidak hendak mengeluarkan rahsia-rahsia, tetapi saya ingat bukan dengan jalan itu sahaja, banyak jalan-jalan lain yang boleh dibuat supaya rahsia ini dapat dikeluarkan oleh orang-orang yang jahat ini.

Tuan Yang d-Pertua, oleh kerana beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengangkat Sumpah dengan mengangkat tangan iaitu untuk menjaga Perlembagaan Malaysia, biar nyawa habis sekalipun, kita mesti mempertahankan Parlembagaan ini, disebabkan Perlembagaan ini kita sifatkan seperti Qu'ran dalam satu-satu negeri. Jadi kita pertahankan Perlembagaan ini, tetapi ada juga undang-undang yang boleh mengatasi Perlembagaan ini, misalnya Internal Security Act; orang itu boleh ditangkap dengan tidak payah lagi dibicarakan, dengan tidak payah orang ini disoal dan sebagainya untuk ditahan. Sampai bila masanya ia mesti ditahan? Pada fikiran saya dalam satu-satu negeri, kita ada mempunyai Perlembagaan dan Perlembagaan ini tidak dapat diatasi oleh undang-undang lain, maka dengan ini saya berharap Kerajaan dapat meneliti atas perkara-perkara yang begini.

Di dalam masa dharurat kita terpaksa menggunakan cara ini, tetapi kalau mengikut undang-undang Perlembagaan di atas hak asasi kemanusiaan ini, undang-undang Perlembagaanlah yang diutamakan di atas sekali daripada undang-undang yang kita buat pada masa dharurat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh di atas perkara pinjaman daripada tiap-tiap negeri, oleh kerana saya datang daripada Negeri Selangor dan saya juga sebagai Senator daripada Negeri Selangor. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini untuk membasmi kemiskinan tentu sekali bukan sahaja Kerajaan Federal tetapi Kerajaan Negeri juga bertanggungjawab. Sebab kalau hendak meminjam daripada satu-satu tempat sahaja tentu tidak mencukupi untuk membiayai rancangan-rancangan di satu-satu negeri itu. Oleh itu

saya menyokong dengan sepenuhnya supaya Kerajaan Negeri boleh meminjam daripada institusi-institusi selama lima tahun, kalau boleh ditambah lagi sampai 10 tahun atau lebih. Tetapi kita mestilah beringat, jikalau negeri itu meminjam dan dijamin oleh Kerajaan Federal, kita hendaklah menengokkan bahawa satu-satu projek yang dibuat oleh negeri itu akan berhasil. Ada satu-satu projek di dalam satu-satu negeri, misalnya projek bertanam tebu hendaklah disiasat benar-benar bahawa projek ini boleh berhasil, sebab projek ini menelan belanja sebanyak \$80-\$90 juta dan boleh atau tidak Kerajaan Negeri itu membayar balik dengan bunganya sekali dalam tempoh lima tahun. Ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah meminjam kepada Kerajaan Federal dengan banyak sekali dan Kerajaan Federal dengan tidak menyiasat lagi telah memberi pinjaman-pinjaman ini. Ini saya mengingatkan bahawa ini adalah wang rakyat, cukai pendapatan daripada rakyat dan jikalau sekiranya dipinjamkan untuk membiayai sekim atau projek-projek yang tidak berguna, kalau sekiranya gagal, maka bukan sahaja Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Federal juga adalah bertanggungjawab kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga menyokong penuh di atas perkara Kerajaan akan menengokkan supaya guru-guru agama terutama sekali agama Islam, bukan sahaja dibiayai ataupun diberi perbelanjaan kepada sekolah-sekolah, ataupun guru-guru tetapi saya juga berharap kepada Kerajaan oleh kerana agama rasmi adalah agama Islam, maka Kerajaan terpaksalah membayar gaji kepada tiap-tiap imam, bilal, khatib dan pekerja-pekerja di tiap-tiap masjid di seluruh Malaysia ini.

Walaupun Perlembagaan ini dipinda, tetapi jikalau dipinda dengan tidak memberi erti tidak juga berguna untuk mengajar terutama sekali orang Islam supaya taat kepada ugamanya, taat kepada Tuhannya dan di samping itu juga dapat kita mempertahankan tanahair kita daripada fahaman atau ideoloji komunis. Dengan sebab itu imam masjid, bilal dan segala-galanya mestilah ditanggung oleh Kerajaan, sepertimana yang dibuat oleh Kerajaan Johor, kalau tidak salah saya, tetapi kalau salah harap dapat dibetulkan. Kerajaan Johor boleh menanggung segala pegawai-pegawai masjid, jadi apakah sebabnya Kerajaan kita tidak boleh berbuat demikian. Baik pun di dalam

negeri yang bertanggungjawab di dalam negeri itu, kalau misalnya di dalam Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat bertanggungjawab di atas perkara ini. Kalau tidak begitu, tidak bermakna yang dikatakan dipinda undang-undang ini tetapi perbelanjaan-perbelanjaan kepada pekerja-pekerja itu tidak diberikan supaya dapat mengembangkan lebih erat lagi penganut-penganut agama Islam.

Saya tidaklah hendak bercakap lebih panjang lagi di atas perkara pindaan Perlembagaan ini oleh kerana telah diterangkan dengan jelas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan saya yakin dan percaya iaitu adalah untuk kebaikan dipinda undang-undang ini bukan oleh kerana tujuan perseorangan, tujuan segolongan atau segelintir rakyat untuk ditukar Perlembagaan ini, tetapi adalah untuk kebaikan keseluruhannya, maka dengan sebab itu, saya sokong dengan sepenuhnya.

5.41 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita telah dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tadi berucap iaitu sebab-sebab pindaan Perlembagaan ini mesti dikehendaki mengikut keadaan yang sesuai dengan negara dari masa ke semasa. Saya akan terus menyokong pindaan Perlembagaan ini, akan tetapi saya ingin menyentuh Fasal 6 berkenaan dengan agama di tanah air kita:

Fasal 6 berbunyi—

6. Perlembagaan adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan Fasal (2) Perkara 12 dengan Fasal baru (2) yang berikut:

“(2) Tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak menubuhkan dan menyenggara institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri”

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum iaitu sesebuah negara seperti Malaysia yang sedang maju negeri yang kecil dan mempunyai berbagai kaum, kita mesti menggalakkan segala golongan agama diberi bantuan. Sebagaimana kita tahu kita sedang mengalami ancaman komunis di dalam negara kita dan saya menasihatkan Kerajaan untuk menggunakan agama sebagai suatu senjata yang paling kuat bagi menentang gerakan komunis di dalam negara ini.

Dalam Fasal 6 saya dapat tahu pindaan baru itu, bantuan cuma diberi kepada institusi-institusi Islam sahaja. Saya merayu kepada Kerajaan bahawa Kerajaan mestilahimbang dengan sedalam-dalamnya akan perkara ini dan memberi bantuan kepada semua agama yang hendak menubuhkan institusi pelajaran agama terutama sekali institusi-institusi agama Kristian yang telah berkhidmat begitu memuaskan dan baik dalam negara ini. Saya harap Kerajaan akan menghargai perkhidmatan dan tugas-tugas yang telah diberikan oleh agama Kristian dan juga lain-lain agama seperti yang saya katakan tadi. Kita mempunyai berbagai kaum dan kita mesti gunakan agama itu untuk melawan gerakan komunis.

Saya sokong pindaan Perlembagaan ini.

5.55 ptg.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang kita bahaskan sekarang ini tetapi saya suka membawa beberapa pandangan yang mana di dalam 19 tahun kita sudah merdeka dari semenjak Tanah Melayu sehingga hari ini menjadi Malaysia, banyak pindaan yang kita buat di atas Perlembagaan kita.

Saya rasa ada setengah-setengah fasal di dalam hak asasi (fundamental liberties) yang mana mustahak dari segi keselamatan dalam negeri untuk dipinda, tetapi saya rasa tidak semestinya pindaan itu dibuang langsung daripada Perlembagaan ataupun undang-undang kita. Saya rasa ada baiknya kalau kita jadikan, kita tukarkan daripada Perlembagaan, jadikan undang-undang perkara-perkara tadi dan kita juga memberi hak kepada Parlimen di dalam undang-undang tadi untuk menggantung (suspend) undang-undang itu, katalah, dalam masa dua tahun, kerana sebab-sebab soal keselamatan dalam negeri. Selepas dua tahun nanti perkara ini akan dibahaskan balik oleh Parlimen untuk disambung ataupun disekat, itu terpujanglah kepada Parlimen. Jadi dalam masa dua tahun itu, jika ada apa-apa grievances ataupun rakyat teraniaya atau terjadi apa-apa yang mana tak patut terjadi ataupun salahguna kuasa oleh pihak berkuasa baik Polis ataupun sesiapa pun, jadi ada tempatnya dalam Parlimen ini untuk Ahli-ahli Parlimen menyuarakan kesusahan rakyat dan sebagainya. Kita tahu pindaan ini mustahak dan

kita tetap menyokong tetapi kita tidak mahu, saya rasa bahagian hak asasi (fundamental liberties) terutama sekali daripada Fasal 5 sampai 13 itu dierodekan dari satu masa ke satu masa dalam masa 19 tahun sebagaimana yang kita lihat, ada perkara yang tidak patut dipinda buat selama-lamanya dipinda untuk sementara sahaja.

Saya berbesar hati, kalau Tuan Yang di-Pertua, mengizinkan saya menunjukkan satu cara salahguna kuasa yang digunakan untuk menjadi pandangan kepada pihak-pihak dan Kementerian yang tertentu, sebab saya rasa mungkin ada Kementerian sendiri tidak tahu dengan sepenuhnya hal-hal ini.

Tiga bulan yang lalu iaitu pada 8hb Mei, 1976 satu kejadian letupan telah terjadi di beberapa tempat dalam negeri Sabah. Kalau saya tidak salah ada lapan tempat yang berasingan dan daripada letupan tadi satu dua rusuhan telah berlaku di mana dua jiwa telah terkorban akibat rusuhan tadi. Saya sebagai seorang Ahli Senate memang mengutuk kejadian apa yang dilakukan itu dengan tidak menurut peraturan undang-undang ataupun tidak mengikut aliran yang tertentu, kejadian yang dilakukan mengikut kehendak hati atau sesuka hati sahaja dengan tidak mempunyai pertimbangan.

Akibat daripada kejadian itu pihak yang berkuasa Polis Sabah telah mengambil tindakan di mana selepas kejadian itu berlaku sehingga beberapa minggu kemudiannya didapati tidak kurang dari 5,000 orang yang telah ditahan di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri di seluruh Negeri Sabah. Kebanyakan mereka ialah orang-orang pelarian dari Filipina. Sungguhpun mereka itu orang-orang pelarian tetapi mereka pun manusia juga. Mereka datang ke Sabah dengan persetujuan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Jadi cara-cara yang dilakukan sehingga mengakibatkan kejadian yang begitu buruk, saya rasa patut direkodkan di dalam Dewan yang mulia oleh kerana di sinilah sahaja satu tempat yang rakyat dapat menyuarakan segala kepahitan dan kepedihan serta kesiksaan mereka di atas segala perkara-perkara yang dilakukan oleh pihak yang berkuasa yang menggunakan kuasa yang telah diberikan kepada mereka.

Saya berdiri di sini mengutuk dengan sekeras-kerasnya di atas segala tindakan yang zalim yang telah berlaku oleh setengah-setengah pegawai Polis di Sabah yang mana

mereka telah memukul dan menyiksa dengan cara tidak berpatutan kepada orang-orang yang saya sebutkan tadi. Pendek kata, bolehlah saya menggambarkan di sini bahawa kesiksaan itu telah dilakukan belum pernah dirasakan oleh sesiapa pun dalam Malaysia ini semenjak askar Jepun meninggalkan negeri Malaysia 31 tahun yang lampau. Cara penyiksaan yang telah dilakukan oleh setengah-setengah pegawai Polis ke atas orang-orang yang ditahan itu adalah luar biasa sekali. Cara itu ialah cara mencemarkan nama baik Malaysia, cara yang berupa cukup kejam dan saya sendiri terkejut bila kejadian yang begini boleh jadi di dalam negeri yang kita semua sayang dan cintai ini. Kita semua sentiasa mengagongkan nama baik Malaysia sebagai negeri yang mempunyai kebebasan dan kedaulatan sebagaimana yang tercatat di dalam Perlembagaan ini. Akan tetapi kejadian yang berlaku di dalam Negeri Sabah baru-baru ini bukan sahaja yang saya sebutkan tadi kepada orang-orang pelarian dari Filipina Selatan yang cuma menumpang negeri kita sementara kejadian di Filipina Selatan itu selesai, tetapi juga kepada rakyat Negeri Sabah sendiri. Kesiksaan yang telah diberikan amatlah menyedihkan iaitu setengahnya dibakar dengan api rokok di badan mereka; setengahnya dipukul sehingga muntah-muntah. Dan di dalam kejadian tadi bila mereka ditangkap dan dibawa ke Balai-balai Polis dengan begitu ramai tidak ada tempat perlindungan bagi mereka. Dan kalau satu dua hari itu mereka duduk di dalam panas, di dalam embun malam dan di dalam hujan pun ada dengan tidak ada tempat yang tertentu. Setengahnya berdiri sahaja. Saya tidak dapat hendak menceritakan dan saya tidak ada jalan lain bagi saya cuma di dalam Dewan ini sahaja dapat saya menyuarakan hal ini. Kalau di tempat lain itu, tidak patut saya bercakap. Jadi saya harap pihak yang berkuasa terutama sekali Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Menteri yang berkenaan dan Timbalan Menteri akan mengambil berat atas perkara ini supaya perkara yang begini tidak akan berlaku lagi di dalam negeri kita.

Sebagaimana saya sebutkan tadi, saya rasa perkara yang semacam ini kita tidak boleh diabaikan dan saya sebagai Ahli Dewan Negara akan dianggap mencuaikan tanggungjawab saya, kalau saya takut ataupun segan untuk membawa perkara ini di Dewan yang

mulia ini untuk pengetahuan pihak-pihak Kerajaan terutama sekali Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tidak mengetahui perkara ini dengan sepenuhnya. Mereka cuma dengar dari pihak Polis sahaja.

Walau bagaimanapun, saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat tadi kerana mereka mengambil beberapa tindakan untuk menolong setengah-setengah daripada mereka yang ditangkap tadi dengan menghantar pegawai-pegawai yang cekap daripada Semenanjung Malaysia tidak kurang dari 30-40 orang untuk pergi dan menyiasat di Sabah. Jadi dengan tindakan itu ramai orang terselamat daripada kekejaman oleh setengah-setengah pegawai Polis di Sabah yang saya sebutkan tadi.

Saya harap pihak Kementerian akan mengambil perhatian yang berat dan membuat penyiasatan yang sepatutnya supaya pegawai-pegawai Polis yang terlibat dalam perkara ini yang menyalahgunakan kuasa-kuasa mereka itu akan diberi hukuman yang sepatutnya dan mereka tidak akan membuat perkara yang demikian pada masa yang akan datang.

Negeri Sabah adalah sebuah negeri di dalam Malaysia yang terletak paling jauh dari Kuala Lumpur, sebagaimana saya sebutkan selalu iaitu 1,200 batu dari Kuala Lumpur. Tetapi saya berharap Kerajaan Pusat akan mempunyai tanggungjawab yang penuh untuk melindungi tiap-tiap orang rakyat Malaysia ataupun warganegara lain yang duduk di negeri Sabah sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan. Melindungi daripada salahgunakan kuasa oleh mana-mana pihak sekalipun bukan sahaja pihak Polis tetapi pihak-pihak lain terutama sekali Pegawai-pegawai Kerajaan Pusat dan Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri sebagaimana kuasa yang termaktub di dalam Perlembagaan.

Kita semua tahu dan pernah membaca tawarikh politik dunia bahawa satu daripada punca keruntuhan sesebuah negara ialah kezaliman yang dilakukan oleh pihak pemerintah. Jika pihak pemerintah terutama sekali mereka yang mempunyai kuasa menangkap dan menahan orang membuat

kesalahan di luar daripada batasan undang-undang maka rakyat akan mulai jauh dari pihak pemerintah. Daripada kejauhan tadi maka berbagai-bagai perasaan yang tidak puas hati akan berlaku dan rakyat akan mula buat perkara-perkara yang tidak sewajarnya untuk meruntuhkan Kerajaan. Apa yang saya sebutkan ini bukanlah satu perkara yang baru dan ini telah terjadi dalam mana-mana zaman pun, di mana-mana waktu pun di dalam tawarikh dunia. Apa yang saya sebutkan tadi hampir 5,000 orang yang ditangkap, dan yang malangnya boleh dikatakan 99% daripada mereka itu tidak berdosa. Dan setelah ditangkap, dipukul, disiksa, dilepaskan pula. Ini satu penganiayaan yang tidak patut dibuat. Saya membawa perkara ini dengan perasaan yang sedih, sebab perkara ini berlaku di dalam negeri kita. Saya sangat mengetahui bahawa pihak polislah yang paling berjasa sekali untuk menumbangkan kekejaman komunis dan anasir-anasir anti-nasional dan juga anasir-anasir yang lain dan merekalah yang paling berjasa untuk menewas musuh-musuh negara kita. Akan tetapi, apa yang telah dilakukan oleh setengah-setengah pegawai Polis di negeri Sabah sejak tiga bulan yang lalu amatlah menyedihkan sekali dan patut disiasat sebagai yang saya sebutkan tadi dengan sepenuhnya dan selepas itu tindakan undang-undang yang sewajarnya patut diambil keatas mereka yang terlibat dalam perkara yang boleh dianggap sebagai satu tragedi.

Lagi sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.10 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama juga dengan rakan-rakan saya yang lain memberikan sokongan yang penuh atas Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan ini, dan saya tidak berhajat hendak bercakap begitu lanjut, saya hanya menyentuh dalam tiga empat perkara yang mungkin belum disentuh oleh rakan sejawat saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sama dengan pendapat setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang daripada Dewan Rakyat mengatakan bahawa Akta meminda Perlembagaan ini tidak patut dipinda selalu. Saya sangat patuh atas pandangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baharu

sebentar tadi dan saya dapat memberikan satu pandangan bahawa Perlembagaan kita yang ada ini memang sesuai benarlah diubahsuai mengikut masa dari satu masa ke satu masa mengikut perkembangan yang dikehendaki oleh keadaan. Dengan itu, Perlembagaan kita ini tidaklah jadi satu Perlembagaan yang mati, satu Perlembagaan jumud seperti batu tetapi ia akan menjadi Perlembagaan yang boleh hidup dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh dalam masalah anggota Komenwel. Dalam Perlembagaan Persekutuan juga yang peruntukannya membolehkan Malaysia ini menjadi keluarga Komenwel yang mana kita sedia maklum bahawa bekas negara-negara Komenwel British yang politiknya, ekonominya seterusnya pentadbirannya satu ketika dahulu di bawah jajahan British yang diketuai oleh Baginda Queen di England, maka beberapa fungsi patut dikaji dalam berbagai bidang yang telah saya sebutkan tadi bukan sahaja dalam masalah bermastautin yang ada dalam pindaan Perlembagaan yang ada di hadapan kita ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini kita nampak bahawa rakyat daripada negara Komenwel, khususnya daripada rakyat British banyak kemudahan-kemudahan yang kita berikan keistimewaan kepadanya. Dengan ini saya fikir patutlah bagi pihak Kerajaan dengan kuatkuasa peruntukan Perlembagaan ini supaya dikaji semula dalam masalah yang saya sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Suruhanjaya Polis Di Raja, saya sangat bersempati atas apa yang telah diutarakan oleh rakan seawat saya Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik daripada Sabah atas kejadian-kejadian yang berlaku dalam negeri Sabah oleh anggota polis ke atas rakyat Malaysia dan kepada manusia-manusia yang minta perlindungan hak asasi manusia daripada orang-orang perlarian di Filipina. Saya memandang, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Perlembagaan kita ini tidak begitu menyeluruh dalam kuatkuasa polis hanya di Semenanjung ini, maka dengan adanya peruntukan ini, saya harap negeri Sarawak dan Sabah dapat kiranya disatukan sekim perkhidmatan kepada satu sekim yang sama. Kalau dibiarkan keadaan begini, Tuan Yang di-Pertua, kita akan dapat keruncingan yang begitu berpanjangan sebab anggota-anggota polis di daerah itu akan membanggakan

haknya, akan merasa keasingan dirinya kiranya kuatkuasa Perlembagaan ini dapat diberikan, maka seluruh anggota polis di tanah air kita ini dengan sebulat suara akan memberi khidmat kepada negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh dalam masalah beberapa pindaan yang ada dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Saya nampak dalam masalah ayat tanah wakaf. Walaupun disebut dalam perkataan harta wakaf ini, saya mengharapkan kepada Kerajaan Pusat supaya dapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri iaitu menjadi satu badan tanah wakaf, satu pembangunan bagi tanah-tanah wakaf di seluruh Malaysia ini dengan tujuan supaya dapat membaiki taraf ekonomi umat-umat Islam yang ada di seluruh tanah air kita ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 3 juga memberi peluang kepada Yang di-Pertuan Agong kedudukannya sebagai Ketua Ugama Islam di Sabah dan Sarawak. Saya sangat menjunjung tinggi atas pindaan ini, dengan keadaan bahawa saya mengharapkan penyelarasan pentadbiran Ugama Islam akan dapat dilaksanakan di kedua-dua buah negeri. Satu contoh yang dapat saya berikan di dalam Dewan ini yang saya nampak bercanggah pada masa sekarang, umpamanya, di Radio dan TV kita waktu sembahyang magrib dan lain-lain waktu telah diberikan peluang supaya kelapangan menyeru azan itu dibuat, tetapi di Sabah pada masa sekarang tidak boleh berbuat demikian dan Kerajaan Negeri itu tidak sanggup hendak mengadakan kelapangan masa untuk azan pada waktu-waktu sembahyang sepertimana dibuat di Semenanjung ini. Jadi, dengan keadaan ini saya fikir satu masa yang akan datang dapat diselaraskan dalam perkara yang mempunyai dasar am.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Juru Odit yang memberi peluang kepada Kerajaan supaya mengodit Badan-badan Berkanun atau ejensi-ejensi Kerajaan. Ini satu perkara yang patut rakyat memberikan tahniah kepada Kerajaan sebab selama ini, Tuan Yang di-Pertua, beberapa kerugian, kebucuran, kesalahgunaan badan-badan ini walhal wang yang dibiayai separuh daripadanya datang daripada Kerajaan Pusat dan separuh daripada Kerajaan Negeri. Dengan adanya kuasa Juru Odit Kerajaan dapat menyemak dan mengkaji badan-badan itu, ini satu langkah yang tegas akan dapat

menyelamatkan badan ini supaya badan ini dapat berjalan dengan licin dan sempurna. Saya harap selepas ini bahawa kalau diodit pada badan-badan berkanun yang ada ini telah didapati salah guna dan dapat manusia-manusia yang menyalahgunakan itu Kerajaan janganlah teragak-agak supaya mengambil tindakan demi kepentingan negara dan hak rakyat. Jadi tatkala itu baharulah, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini akan memberi menafaat dan berfaedah kepada negara dan rakyat, kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, dicatitkan sahaja dalam Perlembagaan tetapi tidak digunakan kuat-kuasa itu, maka ini tidak akan berfaedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir inilah pandangan-pandangan saya yang secara ringkas sebab saya hendak menghormati masa dan selepas ini, Tuan Yang di-Pertua hendak jamu kami makan dan selepas itu kita akan mengundi dan cuma satu perkara yang saya sangat senang hati dalam pindaan ini bahawa perkataan "Governor" itu tidak boleh digunakan lagi tetapi hendak digunakan "Yang di-Pertua Negeri". Ini sangat baik sebab Governor itu bekas perkataan yang dibuat di zaman penjajah, sebab Perlembagaan kita dahulu pun banyak diterima anasir-anasir penjajah. Dan Inggeris sangat suka bahawa polis di Sabah dan Sarawak berpecah dan sebutan-sebutan yang berupa penjajah itu dan Inggeris sangat suka supaya dapat ditebalkan kepada rakyat, tetapi rakyat Malaysia sedar bahawa keadaan ini tidak sesuai kepada kami satu bangsa yang merdeka dan berdaulat.

6.20 ptg.

Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan kepada Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan kerana pada umumnya pindaan-pindaan ini adalah perlu bagi keselamatan negara dan bagi kebaikan rakyat jelata.

Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua ketahui orang-orang bukan Islam adalah kurang senang hati kerana di perenggan akhir dalam Perlembagaan berkaitan dengan ajaran agama ialah Artikel 12 (2) and provide religious insurrection. Adalah dirasakan bahawa perlu dibuat pindaan seperti yang dicadangkan itu. Walau bagaimanapun, kami berterima kasih kepada Kerajaan atas kebebasan (freedom) menganut agama dan maintain institution for the education of children in their own religion

dalam negara kita dan juga mereka hendaklah diajar adap kesopanan untuk menghadapi masa dewasanya dengan lebih baik lagi, i.e. children should be taught the right morals to face the challenges of adult life better. Agama-agama yang berlainan tidak bermusuhan atau berlawanan di antara satu dengan yang lain tetapi kaum-kaum buruh dalam gred yang sama. Tuan Yang di-Pertua, different religions are not rivals or competing forces but fellow labourers in the same great task which insists on the upward striving of intellect and expressing itself in a high code of morality.

Di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, orang-orang yang bukan beragama Islam yakin bahawa kebebasan beragama ini akan diteruskan tetapi walau bagaimanapun, adalah dikhuatiri kemungkinan dalam tahun-tahun yang akan datang nanti perkara ini akan disalah takrifkan oleh mereka yang memimpin selepas jenerasi ini. Walau bagaimanapun, mereka menaruh harapan terhadap pimpinan Kerajaan yang ada pada hari ini tetapi saya difahamkan bahawa ada beberapa sekolah telah merentikan pengajaran agama pada hari Ahad atas arahan dari pihakberkuasa pelajaran tempatan. Pada pengetahuan saya bahawa ada pengajaran agama selain daripada Agama Islam boleh dibenarkan dalam waktu sekolah, ajaran agama lain dalam dewan sekolah pun boleh dibenarkan untuk kegunaan mengajar agama lain tetapi dengan syarat orang-orang Islam tidak digalakkan mempelajarinya.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin orang ramai tidak begitu pasti (clear) berkenaan dengan implikasi pindaan ini termasuk juga pegawai-pegawai dalam Jabatan Pelajaran. Rakyat jelata daripada berbagai-bagai kepercayaan agama seperti Hindu, Christian, Buddhist dan Sikh adalah merasa ragu-ragu kerana pindaan ini akan menyekat pengajaran dan amalan agama mereka dan ini akan menggalakkan pemuda-pemuda kita terhadap dadah, minum arak dan meniru kebudayaan barat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kerana itu saya berterima kasih kiranya penjelasan lanjut dapat diberi dalam perkara ini just to dispel syndrome ketakutan. Believe me, Tuan Yang di-Pertua, it is a very distressing syndrome.

Lastly, allow me to add without religion there can be no morality and without morality there can be no law.

6.25 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang di dalam perbahasan ini dengan menyatakan sokongan saya sekuat-kuatnya di atas usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru sebentar tadi yang mana sebagaimana saudara-saudara saya yang telah lebih dahulu bercakap menyatakan bahawa Perlembagaan kita ini bukanlah sebagai Qur'an yang tidak boleh diubah-ubah, maka amat sesuai sekalilah di atas pindaan-pindaan yang dikemuka ini dan saya sekali lagi menyatakan sokongan yang sekuat-kuatnya di atas semua pindaan-pindaan yang dikemukakan ini. Dalam masa yang singkat ini saya sukalah mengambil peluang menyentuh satu-dua perkara.

Yang pertama sekali masaalah yang berhubung dengan kuasa Kerajaan Negeri membuat pinjaman dengan bank-bank dan juga institusi kewangan yang mana telah dipinda dalam cadangan ini bagi membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri meminjam dalam masa tidak lebih daripada 5 tahun. Ini adalah satu perkara yang amat wajar sekali kerana sepanjang pengalaman saya dalam Kerajaan Negeri, terutama sekali Kerajaan Negeri yang sentiasa mengalami kesulitan kewangan untuk melancarkan rancangan-rancangan pembangunan mereka yang mana kalau berharap semata-mata kepada pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, kadang-kadang Kerajaan Persekutuan tidak dapat memberi pinjaman tetapi apabila sahaja dikemukakan kepada institusi kewangan dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan maka masanya amat terbatas sekali. Jadi pengalaman-pengalaman seperti ini apabila berlakunya pindaan ini akan lanjutlah sedikit masa bagi Kerajaan Negeri membuat pinjaman, dan dengan berlanjutan masa ini tidaklah bererti akan merosakkan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri itu sendiri, bahkan dengan adanya syarat-syarat yang ditentukan dalam Perlembagaan yang akan ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan, maka akan terhindarlah segala kesangsian yang mungkin timbul daripada pinjaman itu.

Cuma satu masaalah, Tuan Yang di-Pertua, iaitu masaalah kerja-kerja pembangunan oleh Kerajaan Negeri. Sebagaimana kita sama-sama tahu bahawa dengan ketiadaan kewangan maka rancangan pembangunan untuk kepentingan rakyat bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kita dan juga bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dibentangkan dalam Dewan ini akan terganggu. Jadi dengan sebab itulah peruntukan yang dibuat dalam pindaan Perlembagaan ini dengan melanjutkan masa 5 tahun itu amat wajar sekali dan saya bagi pihak negeri Kelantan menyokong cadangan ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara pindaan Fasal 6 iaitu yang mana memberi kuasa kepada institusi-institusi agama-ugama lain menggunakan peluang ini mengadakan kelas-kelas agama bagi kanak-kanak mereka, ini adalah menunjukkan satu gambaran bahawa Kerajaan Malaysia memang tidak menyekat masaalah-masaalah institusi keagamaan mengadakan pelajaran agama kepada anak-anak mereka. Jadi dengan masaalah ini, saya rasa amat wajar sekali dan di bawah pindaan itu juga kita dapati suatu ayat adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggara atau membantu dalam menubuh atau menyenggara institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melalukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang diperlukan bagi maksud itu adalah wajar sekali. Sebab walaupun diberi hak kepada institusi agama lain tetapi sebagai agama Islam yang termaktub dalam Perlembagaan ini sebagai agama rasmi negara ini, maka wajar sekali bahkan sepatutnya pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melancarkan badan-badan selain daripada badan dakwah untuk mengadakan pelajaran-pelajaran agama kepada bukan sahaja anak-anak kecil di sekolah-sekolah bahkan juga pelajar-pelajar agama sebagaimana yang telah dilancarkan di negeri-negeri di seluruh Malaysia sekarang ini. Saya rasa amatlah mustahak sekali Kerajaan Pusat sendiri membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dalam melancarkan gerakan menyebarkan agama Islam, bukan sahaja kepada anak-anak kecil, bahkan juga kepada orang-orang dewasa melalui Yayasan Dakwah Islamiah yang telah tersedia dan memperbanyakkan bantuan kewangan kepada yayasan ini. Saya

rasa Kerajaan-kerajaan Negeri juga perlu dibantu oleh Kerajaan Persekutuan dalam masaalah kewangan untuk melancarkan gerakan dakwah Islam sebagai satu usaha untuk mengatasi bahaya ancaman ideologi komunis yang sedang mengancam negara kita sekarang ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Satu masaalah yang saya nampak lagi berkait dengan pindaan Perlembagaan ini ialah masaalah kuasa Kerajaan Negeri melantik kakitangan sementara yang mana perkara ini saya nampak perlu diperluaskan lagi dengan syarat-syarat yang tertentu oleh Kerajaan Persekutuan bagi membolehkan Kerajaan Negeri menambah ataupun melantik jawatan-jawatan baru bertaraf sementara, terutama sekali dalam bahagian professional bagi membolehkan Kerajaan Negeri itu melancarkan rancangan pembangunan dalam tiap-tiap negeri masing-masing. Saya rasa amat wajar kalau sekiranya Kerajaan Negeri diberi kuasa untuk melantik jawatan sementara sahaja tanpa menunggu kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan bagi melancarkan rancangan pembangunan, sebab kita tahu sekarang ini walaupun peruntukan kewangan, walaupun rancangan pembangunan disusun dan disediakan, tetapi dalam pelaksanaan kita akan menghadapi kekurangan tenaga pegawai, terutama sekali pegawai-pegawai yang professional yang bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pembangunan dalam negara ini. Jadi, selain daripada kuasa yang ada pada Kerajaan Persekutuan, maka kepada Kerajaan Negeri juga perlu diberi untuk mereka melantik pegawai-pegawai walaupun tidak pegawai tetap tetapi pegawai sementara bagi membolehkan kelancaran pelaksanaan rancangan pembangunan kita dalam zaman pelancaran pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan saya dalam beberapa perkara yang berkait dengan kedudukan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan dalam pindaan Perlembagaan ini.

6.35 ptg.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian dalam debate di atas Akta Perlembagaan (Pindaan), 1976. Saya rasa ini adalah satu

Akta yang amat penting yang akan meminda beberapa fasal di dalam Perlembagaan kita dan saya rasa adalah tugas dan tanggungjawab saya bagi menyuarakan sedikit pandangan saya yang jujur dan ikhlas ke atas Akta ini.

Terlebih dahulu saya suka memuji atas keadilan dan kebijaksanaan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, kerana menarik balik atau mengubah atau meminda satu cadangan pindaan Perlembagaan berkenaan dengan Fasal 4 perkara 5 dalam Perlembagaan kita. Pindaan asas itu jika diluluskan boleh menjejaskan kebebasan asasi setiap individual yang ditangkap di bawah sekatan keselamatan. Cadangan pindaan asas ialah siapa yang ditangkap atau ditahan atau ditahan ke suatu kawasan di bawah Undang-undang Keselamatan terhadap negara tidak akan diberi kemudahan nasihat pembicaraan atau mengetahui sebab ditangkap dan pindaan cadangan itu dikuatkuasakan mulai daripada Hari Kemerdekaan.

Kita gembira cadangan pindaan itu telah digantikan dengan satu pindaan juga di buat ke atas satu cadangan yang tidak dibenarkan sesiapa yang ditangkap mempunyai hak asasi dibawa ke magistrate di dalam masa 24 jam. Cadangan itupun ada dipinda dan hanya boleh dilakukan kepada siapa yang ditangkap atau ditahan di bawah undang-undang yang ada yang tidak mempunyai syarat bagi membawa sesiapa yang ditangkap atau ditahan ke hadapan magistrate. Sebenarnya jika seorang yang ditangkap atau ditahan tidak dibawa ke mahkamah maka hak asasinya memberitahu mengapa dia ditangkap hilang begitu sahaja. Saya suka mengetahui lebih dalam dan sepecific apakah kesalahan-kesalahan di mana sesiapa yang ditangkap tidak perlu dibawa ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju sepenuhnya bahawa Perlembagaan negara kita hendaklah dianggap sebagai suci, utama dan tidak boleh dikecilkan dan hendaklah dihormati dan dikawal khasnya bagi perkara-perkara terhadap hak asasi dan kebebasan yang tidak boleh diusek kecuali amat perlu dengan syarat-syarat tertentu yang mengancam keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa kedudukan keselamatan negara kita sekarang sedikit serius dari ancaman anasir-anasir

subversif dan kominis militant. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun mengatakan Perlembagaan adalah satu dokumen yang sentiasa berkembang kerana masyarakat kita tidak static dan tidak boleh dikuasai oleh satu dokumen yang tidak berubah.

Tetapi jika sesuatu undang-undang yang tidak bijaksana dan adil diluluskan khasnya terhadap hak asasi dan kebebasan setiap orang, ini tidak akan mendapat sokongan rakyat, lebih-lebih lagi ini akan melemahkan kepercayaan rakyat dan menimbulkan ketakutan dan kebimbangan. Pada masa penting ini di mana kita berpegang dengan anasir-anasir subversif, anti-national dan kominis militant kita memerlukan memenangi hati dan sokongan penuh segala lapisan rakyat dan sesuatu undang-undang yang diluluskan tidak akan menimbulkan perasaan takut, tidak selamat dan tidak puashati di dalam hati rakyat khasnya yang tidak salah yang takut akan menjadi mangsa kerana salahgunakan kuasa. Saya berharap bahawa sesuatu undang-undang dalam Perlembagaan yang dicadangkan untuk dipinda hendaklah diumumkan dan diterangkan seluas-luasnya kepada rakyat ke atas tujuan, sebab-sebab dan perlunya pindaan itu untuk menghapuskan ketakutan dan mendapatkan kerjasama penuh daripada rakyat jelata.

Tentang Fasal 7 yang bertujuan meminda Fasal 24 Perlembagaan kita supaya sivil kerakyatan boleh dilucutkan jika pemegang itu dengan sukarela sendiri menuntut atau menggunakan hak-hak diberi kepada warga-negara-warganegara negeri luar itu tidak kira negeri itu dalam Commonwealth atau tidak. Saya suka meminta Menteri berkenaan menerangkan dengan lebih lanjut khasnya contoh ke atas kes-kes yang telah berlaku. Pada pandangan saya jika seorang rakyat Malaysia yang dengan sukarela sendiri menuntut dan melakukan hak-hak yang diberikan kepada rakyat di sebuah negeri itu, ini boleh dianggap bahawa dia mempunyai dua kerakyatan dan adalah adil dan patut bahawa dia hendaklah menyerahkan satu kerakyatan dan setia kepada satu negeri sahaja. Saya cadangkan bahawa jika ada kes-kes begitu penyiasatan yang mendalam hendaklah diadakan dan sesiapa yang dituduh hendaklah diberi peluang menerangkan dan membela diri sebelum sivil kerakyatan itu dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka ucapkan sekali lagi sokongan sepenuh-penuhnya atas Bil ini.

6.45 ptg.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah mendengar Ahli Yang Berhormat dari Sabah mengatakan perkara yang berlaku di Sabah itu. Saya terasa sedih atas perkara yang berlaku kerana pada masa tuntutan Sabah itu berlaku di dalam Malaysia ini, maka kelamkabut Kerajaan membuat rombongan ke sana ke mari berunding bagaimana tuntutan Sabah itu diperolehi oleh Phillipine, maka akhirnya perkara itu dibawa di dalam Majlis Dewan Negara ini. Selepas saya berucap berkenaan tuntutan Sabah itu, esoknya bekas Perdana Menteri mengambil tindakan dengan hebatnya sehingga menarik segala keistimewaan yang ada kepada diplomat Phillipines. Jadi, bagaimana sedihnya hati saya mendengar perkara yang telah berlaku tadi, saya berharap Ahli-ahli Dewan Negara mengambil perhatian dengan lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana sentiasa memberi peluang kepada saya memberikan ucapan atau membahaskan satu-satu perkara. Pada masa ini, saya tidak hendak bercakap panjang lebar, hanya saya berkehendakkan iaitu tiap-tiap pemimpin ataupun pegawai-pegawai mestilah tegas dan berani menghormati Perlembagaan ini, kerana Perlembagaan itu menjadi teras kepada tiap-tiap manusia di dalam negara ini. Satu contoh saya beri, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Perlembagaan itu terang-terang mengatakan iaitu bahasa rasmi di dalam Malaysia ini ialah Bahasa Melayu; tetapi murid-murid yang keluar daripada sekolah hanya lulus Bahasa Malaysia. Di mana letaknya Bahasa Malaysia dalam Perlembagaan. Ini patut diterangkan kepada rakyat jelata.

Lain tidak ada apa yang hendak saya cakapkan, saya mengucapkan berbanyak terima kasih. Hari ini ialah hari yang menghabiskan bagi saya duduk di dalam Dewan dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

6.48 ptg.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1976 yang dibahaskan di dalam Dewan hari ini. Bagaimanapun ada lebih kurang 48 Fasal yang akan dipinda di dalam Usul ini, saya menyokong usul ini keseluruhannya, tetapi di sini saya suka meminta Menteri berkenaan menjelaskan sedikit berkenaan dengan implikasi-implikasi kepada pindaan pada Fasal-fasal di dalam Perlembagaan.

Yang pertama, saya rasa Huraian di dalam Bil ini tidak cukup terang untuk menjelaskan implikasi-implikasi kepada pindaan-pindaan Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua tahu kebanyakan Ahli-ahli kita di dalam Dewan Rakyat atau di Dewan Negara bukan peguam (lawyer). Sebab itu kebanyakannya tidak kenal apa dia undang-undang, bukan tidak kenal tetapi undang-undang yang diberi di dalam Dewan Rakyat atau Dewan Negara sudah kita faham dan mengetahui semua implikasi yang ada di dalam undang-undang itu. Dan di dalam Parlimen kita tidak ada kemudahan-kemudahan (research) yang cukup untuk berkhidmat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini. Sebab itu saya dapati kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat atau Dewan Negara pun susah. Saya sendiri sudah baca Bil ini dan berapa kali mencari dalam Huraian apa yang dipinda, berapa malam tidak tidur tidak faham berapa banyak Fasal yang dipinda di sini. Saya haraplah kalau Huraian di dalam usul ini boleh dipanjangkan di dalam perkataan laymen (laymen's words) saya harap kita ada peluang untuk memahami apa-apa yang dipinda di dalam apa-apa undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap di dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 30 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 6.52 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.32 malam.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

7.32 mlm.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, Bil ini akan menyatu-padukan negeri-negeri yang ada di dalam negara kita dan saya rasa pada masa yang akan datang negara kita akan menjadi negara yang baik lagi.

(Dengan izin) It helps to bring all the States closer together guided by a much more uniform Constitution that follows the present utmost objective of our people and the Government and that is to unite all our people together. I feel that with this Bill the different States will have a much more uniform set of guidelines as provided in the Constitution, although there are still some provisions in the Constitution that have not brought about total uniformity. I hope that the Prime Minister and his Cabinet and Government will look into all these aspects so that pada masa yang akan datang semua negeri yang bergabung di dalam negara kita iaitu Malaysia akan mengadakan keadaan yang sama di antara satu negeri dan lain.

Saya suka bercakap sedikit berkenaan dengan Fasal 4 di dalam Bil ini. Clause 4 of this Bill seeks to validate the detention of people without having to produce them within 24 hours before a Magistrate in cases where the law does not provide for it, as in the Restricted Residence Enactment. However, detention without having to satisfy the provisions of Article 5 (3) and 5 (4) are provided under alternative provisions in the Constitution as in Article 149 and thereby Emergency Ordinances and the Internal Security Act are covered by such an Article in the Constitution. However, I would like to take this opportunity to speak out on certain situations whereby abuse of this power has been carried out resulting in innocent people being detained or restricted without having a fair chance to be heard, as my Honourable colleague from Sabah has given this House an understanding of the situation there earlier on. Indeed, in some of the other States in Peninsular Malaysia I am sure that in this big network of cleaning up gangsterism, gambling, etc, there might be innocent people who are caught in this big network of cleaning up our society. However, at the present moment, in some of these laws, as in the case of the Prevention of Crime

Ordinance, there is provision for an Appeal Board to which restricted or detained citizens can appeal and this Appeal Board set up under Article 151 (2) in the Constitution allows for an independent Chairman and members to look into their cases. But this Appeal Board, I am sorry to say, only meets once in six months and as a result innocent people who have no chance to have their cases heard may have to wait for six months before their cases are even heard. If found innocent they might be released, but they are detained for six months already.

At present the prosecution by the Police Department and the deciding authority are from the same source and that is from the Ministry of Home Affairs. In all these cases where detention is under the Internal Security Act or Emergency Ordinances we have the situation where the prosecuting officers and the person who decides on it are on the same side of the law so much so that innocent people—I am not saying that there are many cases of innocent people being roped in—but after all Government Ministers are fallible and as such they do make mistakes. But how could we minimise the mistakes that are being made? At the present moment if certain persons have a history or record of mixing with bad characters, subversive elements or gangsterism or other things, they are investigated by the Police. The Police brings about the prosecution, then the deciding authority on whether to detain these people or not is the Minister himself, whereby the prosecution, that is the Police, and the Minister are on the same side of the law. There is no independent sort of body to decide whether the prosecution by the Police is just or not because I am sure the Minister will just listen to the prosecution and that is the Police Department. What I am asking for now is to have an independent panel to decide on all the prosecution cases brought forward by the Police and once this independent panel decides there is merit for detention then the independent panel recommends to the Minister to implement the detention. I think under these circumstances perhaps we may get a fairer situation and less innocent people are liable to be detained or restricted.

Berkenaan Fasal 7 dan 8, Pindaan ini dibuat berkenaan dengan kewarganegaraan rakyat kita di Malaysia. I hope that the

amendment of this Article in the Constitution does not make people stateless unnecessarily. That means that in implementing these provisions in the Constitution I hope that the officers and Ministers concerned in the Government will look properly at the merits of each case and not take things on the surface and by this method deny a person of his citizenship of this country perhaps creating a situation of statelessness of that person. Umpamanya, banyak penuntut-penuntut (students) yang pergi ke United Kingdom untuk menyambungkan pelajaran tinggi di universiti atau di maktab-maktab; Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum di United Kingdom sesiapa yang sudah tinggal di negeri itu akan otomatis menjadi warganegara negeri itu, jika sesiapa hendak menjadi warganegara. Kebanyakan penuntut-penuntut kita di sana tidak faham apa yang ada di dalam Perlembagaan negara kita ini. Mereka itu tidak faham umpamanya mencampurkan diri dalam pilihanraya di negara tersebut. Dan mereka boleh apabila balik ke negara ini kalau Kerajaan kita mengetahui penuntut-penuntut itu ada campur di dalam pilihanraya di negara lain, saya fikir proviso yang ada dalam Perlembagaan ini, kita boleh menarik balik kewarganegaraan penuntut-penuntut itu. Tetapi saya ingat kebanyakan penuntut-penuntut itu campur dalam aktiviti-aktiviti di negara itu iaitu di England, Wales, Scotland dan Northern Ireland kerana mereka tidak faham iaitu mereka tidak boleh campur kegiatan-kegiatan di negeri tersebut. Saya sendiri telah duduk di United Kingdom kerana belajar kursus perubatan (medicine) selama 7 tahun. Selepas tinggal 5 tahun di negara itu, pada masa pilihanraya umum mereka hantar surat meminta kita pergi mengambil bahagian di dalam pilihanraya itu. Separuhnya takut hendak campur di dalam pilihanraya tersebut, separuhnya tidak faham dan mengambil bahagian. Separuh daripada mereka yang tidak mahu lagi menjadi warganegara kita, mereka tidak campur di dalam pilihan itu. Pada pengalaman saya, kebanyakan mereka itu tidak faham. Mereka ingat semua orang masuk pilihanraya mereka pun masuk sama dan bila mereka melihat emosi, mereka pun campur tetapi apabila mereka balik ke negara ini mereka tentulah mendapat kesusahan, sebab kewarganegaraan mereka akan ditarik balik.

Saya harap sesiapa sahaja penuntut-penuntut yang akan pergi ke negara-negara seperti yang telah saya sebutkan tadi, pihak

Kementerian Pelajaran tolonglah beri penjelasan kepada semua penuntut-penuntut itu. Mereka itu apabila masuk ke negeri itu mereka tidak boleh mengambil bahagian di dalam apa-apa sahaja yang berkaitan kerakyatan di negara luar. Kalau mereka mengambil bahagian apabila mereka balik kewarganegaraan mereka itu akan ditarik balik. Saya harap Kementerian yang berkenaan bolehlah memberi penerangan berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, in amending this part of the Constitution as provided in Clause 7 and 8, would it amount to querying the entrenched provisions of the Constitution? I have spoken to many of my lawyer friends and a lot of them do not know what is the present state. Some say in general, "I think you cannot query the entrenched provisions in the Constitution or else you would break the Sedition Act." Some say, "you can amend but you cannot query." I am asking, is amending querying?

Datuk Perdana Menteri di Dewan Rakyat ada menjelas berkenaan keadaan ini. The Prime Minister has answered in the Lower House that the proposed amendment does not amount to questioning of the sensitive issues and it does not come within the definition of the Sedition Act. This amendment has gone through the process of the Conference of Rulers who have given their consent. His reasons are, because of this we do not break the Sedition Act by amending this part of the Constitution.

What happens, may I ask, if a private Member of Parliament wants to bring up a Bill in which he thinks that certain entrenched provisions in the Constitution are not applicable in this country in the future to come and he brings a Bill to amend certain entrenched provisions in the Constitution? Will it amount to committing a crime against the Sedition Act if he is a private Member? He has no opportunities to push through all his proposals through the Conference of Rulers; he is a private Member and he cannot go through the Conference of Rulers; he does not know how to go about presenting it, or is there a provision for private Members to get what they intend through the Conference of Rulers, to get the acceptance of the Conference of Rulers, if a private member really thinks that certain entrenched provisions in our Constitution do not apply

in the future to come? If there is a case like that can this private Member bring about an amendment to the entrenched provisions in the Constitution? Perkara ini saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di dalam jawabannya tolonglah jelaskan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang ini dan sebelum saya duduk saya adalah menyokong usul ini.

7.48 *mlm.*

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Bil ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telahpun membawa Bil ini. Sungguhpun kita telah mendengar beberapa tuduhan dalam Dewan Rakyat mengatakan bahawa Bil ini telah dibawa dengan gopoh-gapah, tetapi sebagaimana penerangan-penerangan yang kita dapat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri iaitu Bil ini telah dibincangkan oleh Kerajaan selama dua tahun dan baharu dikemukakan di sini dan kita percayalah bahawa Bil yang dibentangkan ini ialah untuk kebaikan rakyat dan negara kita sendiri. Kita tahu bahawa Kerajaan bukanlah berniat buruk ataupun hendak merebut kuasa. Kita harap, setelah Bil ini diluluskan rakyat memahami soal itu sebelum ada orang-orang menyebarkan perkhawaran buruk terhadap Bil ini, maka kita berharap Kerajaan akan dapat memberi penerangan yang jelas di atas pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita dengar juga saya sungguh terkejut mendengar berita sebagaimana Yang Berhormat Datuk Syed Kechik daripada Sabah yang menerangkan berlakunya satu perkara di sana sebagaimana yang diterangkan tadi. Maka kita berharaplah kepada Kerajaan kita betul-betul mengambil tindakan yang sewajarnya di dalam soal ini jika sebenarnya perkara ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh dalam Bil ini, saya boleh dikatakan yang bercakap penghabisan sekali, maka tentulah Bil ini telahpun disentuh segala-galanya. Saya terpaksa menyentuh perkara yang telah disentuh, tetapi dengan kerana adanya satu-dua perkara yang ada kebaikan dan selalu berbangkit di dalam negeri saya

sendiri iaitu di negeri Perlis ialah masalah-masalah yang mana kita tahu dasar Kerajaan kita pada hari ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini telahpun banyak dicurahkan tetapi banyak terdapat bersangkutan dengan pekerja-pekerja, terutama sekali kekurangan pekerja-pekerja di peringkat bawah tetapi dengan adanya Bil ini yang mana menambah kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan yang membolehkan Kerajaan Negeri mengambil pekerja-pekerja yang bergaji maksimumnya \$400. Maka ini adalah sangat baik untuk melicinkan lagi pentadbiran, dan begitu jugalah di dalam soal untuk memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri. Bagi negeri saya di sana tentulah negeri yang mundur dan kita percayalah dengan keadaan yang berubah iaitu daripada pinjaman-pinjaman yang mana dapat dipinjamkan oleh bank-bank yang telah diluluskan oleh Bank Negara. Pada hari ini dapat pinjam daripada mana-mana bank ataupun mana-mana pihak yang diluluskan oleh Kerajaan dalam tempoh yang sebegitu lanjut sekali iaitu 60 hari, maka kita percayalah perkara ini dapat Kerajaan Negeri yang mundur ini mencari jalan untuk memajukan negeri. Sungguhpun perkara ini kuasanya ada pada Kerajaan Pusat iaitu Kerajaan Persekutuan, walau bagaimanapun kita berharap kepada Kerajaan Persekutuan supaya perkara ini dapat ditimbang, janganlah sebegitu ketat sangat dan sebegitu lambat sangat untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman walaupun kemudahan itu diberi.

Selain daripada itu ialah bersangkutan dengan badan berkanun yang mana kita tahu tergantung usaha bagi pihak bumiputra kepada badan-badan berkanun ataupun bagi pihak badan-badan Kerajaan itu yang mana Kerajaan sudahpun melantik Juru Odit Negara untuk mengodit berkenaan dengan badan-badan berkanun ini atau badan-badan Kerajaan ini, maka kita percayalah perkara-perkara yang telah berlaku pada masa yang dahulu itu tidak akan berlaku lagi dan tentulah Kerajaan berharap sungguh-sungguh kepada badan-badan ini untuk melicinkan rancangan yang akan dilancarkan yang sebegitu besar oleh Kerajaan. Maka apa yang kita harapkan supaya Kerajaan akan memberikan peruntukan-peruntukan yang secukupnya kepada badan-badan ini supaya badan-badan ini dapat menjalankan dengan lebih baik dan licin lagi pada masa akan datang.

Jadi, itulah sedikit-sebanyak, Tuan Yang di Pertua, yang dapat saya ucapkan dan saya sudahi dengan ucapan terima kasih.

7.55 m/m.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini yang telah turut sama membincangkan pindaan-pindaan yang dikemukakan bagi meminda Perlembagaan Persekutuan yang pada awalnya tadi dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bagi pihak beliau sukalah saya menjawab perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, maafkan saya sekiranya tidak semua nama-nama ini dapat saya sebut oleh kerana mengikut catitan saya lebih dari jumlah yang dijanjikan untuk bercakap telahpun bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ibrahim Haji Yaacob telah mengemukakan supaya ajaran agama dikuatkuasakan supaya kedudukan agama di negara ini tidak terjejas oleh mana-mana peruntukan dalam pindaan ini. Sebenarnya sebagai satu akuan dan sebagaimana tercatat dalam pindaan ini tidaklah dimaksudkan oleh Kerajaan untuk mengubah mana-mana hak asasi bersabit dengan agama. Sebagaimana disebut dalam Perlembagaan, khususnya Fasal 3 kita adalah mempunyai hak tersebut dan ini akan ditentukan oleh Kerajaan supaya hak ini tidak terjejas. Cuma yang dimaksudkan dengan pindaan bagi Perkara 24, iaitu Fasal 7 dalam Rang Undang-undang ini ialah untuk menentukan supaya tidak ada sesuatu pihak yang berselindung ditabir perjalanan sesebuah sekolah yang dinamakan sekolah agama tetapi mengajar mata-mata-pelajaran yang lain. Ini adalah diusahakan supaya perkara yang anomalous seperti ini tidak muncul dan dengan pindaan ini diharapkan juga supaya penyelarasan dengan Akta Universiti dan Kolej dapat dicapai.

Bagi menjawab soalan (query) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Kam Woon Wah sukalah saya menyebutkan satu penjelasan bersabit dengan Perkara 12 (2). Pindaan kepada Perkara 12 (2) tidaklah menyentuh hak kebebasan beragama sebagaimana yang disuarakan oleh beliau itu. Adalah dijamin oleh Perkara 11 kerana

Perkara 12 (2) adalah memberi peruntukan-peruntukan yang diperlukan. Perkara 11 (3) (b) yang memperuntukkan tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak menubuh dan menyelenggarakan institusi-institusi bagi maksud-maksud agama atau khairat. Peruntukan ini perlulah kita mengambil perhatian dan menunjukkan bahawa tidak ada apa-apa hak yang hilang dengan adanya pindaan ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin mengenai Perkara 5 Rang Undang-undang ini sedikit penjelasan perlulah ditimbulkan. Fasal 4 yang baru kepada Perkara 6 hanya bermaksud sebagai contoh. Jika sesuatu undang-undang dibuat untuk memberi peruntukan bahawa tugas sesuatu Jabatan Kerajaan adalah dikehendaki dijalankan oleh sesebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh undang-undang itu, pekerja-pekerja Jabatan Kerajaan tersebut hendaklah berkhidmat dalam badan berkanun itu dan tidak boleh, dengan hal yang demikian dianggap bahawa perkhidmatan itu sebagai perkhidmatan wajib (compulsory service). Ini perlu kita wujudkan pada masa ini manakala Kerajaan adalah menjalankan berbagai-bagai ikhtiar dan kegiatan dalam pertukaran perjawatan dari satu Jabatan dan juga kepada badan-badan berkanun yang lain. Kemungkinan besar ada pihak-pihak yang akan mendakwa kemudian bahawa langkah yang diambil oleh Kerajaan ini tidak selaras dengan undang-undang atau boleh dichallenge di Mahkamah. Oleh yang demikian, peruntukan ini adalah ditetapkan supaya keadaan-keadaan seperti itu tidak muncul. Diharapkan juga iaitu dengan adanya pertukaran pegawai-pegawai dari badan-badan yang berkenaan walaupun menyentuh manamana satu Jabatan Kerajaan maka ianya dijadikan satu penyelarasan melalui pindaan ini.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin juga telah menyentuh berbagai-bagai perkara dalam pindaan ini dan saya sukalah menerangkan beliau telah menimbulkan beberapa perkara yang menarik minat, terutamanya kepada pengamal-pengamal undang-undang (legal practitioners). Juga ditimbulkan oleh beliau dalam bentuk soalan penjelasan ialah mengenai Fasal 7. Perlu diterangkan iaitu

Kerajaan kita, Kerajaan Malaysia tidak boleh menjalankan kawalan di atas undang-undang kerakyatan negara-negara lain seperti undang-undang yang tidak memperuntukkan bagi perlucutan kerakyatan negara yang berkenaan. Dengan pindaan kepada Fasal 7 dan 8 hanya yang akan dikuatkuasakan melalui pindaan ini ialah supaya Kerajaan Malaysia mengiktiraf semua negara mengikut syarat-syarat yang sama, tidak ada yang lebih dan tidak ada yang kurang. Bermakna negara-negara Komanwel juga adalah dianggap sebagai negara-negara luar Persekutuan (foreign country), negara Singapura pun demikian walaupun dekat dengan kita. Jadi ini adalah bertujuan untuk menyamartarakan status negara-negara yang asing yang luar dari Malaysia. Oleh yang demikian, manamana orang warganegara di tanahair yang pergi keluar dan dengan kedudukan yang tertentu di luar negeri kemungkinan menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh diiktiraf sebagai menerima kerakyatan di negara itu maka ini adalah diperuntukan dalam pindaan ini dan memudahkan bagi Kerajaan untuk mengiktiraf status-status warganegara tersebut sebagai telah berangah dengan peruntukan-peruntukan kewarganegaraan dalam Perlembagaan kita.

Juga ditimbulkan oleh beliau ialah bersabit dengan Fasal 10. Beliau menyebutkan tentang perkataan inability bersabit dengan Fasal tersebut. Perkataan ini adalah perkataan yang lazim digunakan dalam undang-undang yang berkenaan dan maknanya ialah apa-apa keadaan yang tidak memungkinkan pemegang jawatan-jawatan itu menjalankan tugasnya di mana inability itu disebabkan oleh keuzuran. Jadi dalam situasi demikian, bolehlah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong menjalankan sebarang kuatkuasa dalam tugas Baginda.

Yang Berhormat itu juga menimbulkan hal-hal bersabit dengan Fasal 12 perkataan appointment dalam fasal ini, sukalah diterangkan tidak boleh dalam konteks tersebut dianggap sebagai bermaksud jawatan Yang di-Pertuan Agong. Walau apa pun jawatan Yang di-Pertuan Agong tidaklah boleh dikatakan sebagai appointment semata-mata.

Bersabit dengan Fasal 27 perbezaan di antara peruntukan ini dengan Perkara 122A berkaitan dengan Sabah dan Sarawak adalah jelas dan ini adalah disengajakan.

Fasal 28 tidak ada percanggahan dengan Perkara 122c kerana Perkara 125A yang baru adalah berkenaan dengan menjalankan kuasa atau exercise of power dengan tiada melibatkan pertukaran sedangkan perkara 122c itu adalah melibatkan pertukaran. Jadi jika di soal apakah perbezaan-perbezaan itu adalah bersabit dengan pertukaran tersebut.

Berhubung dengan Fasal 30 penggunaan perkataan criminal charge has been proved, ini juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin dan bukannya convicted of a criminal charge adalah disengajakan supaya meliputi kes-kes di mana seseorang itu tidak disabitkan kesalahannya walaupun tuduhan ke atasnya telah dibuktikan. Sebagai contoh dalam kes-kes di mana sesuatu tuduhan dibuktikan terhadap orang yang dituduh dan ianya dibebaskan atau discharge atau dibound over tanpa mencatatkan apa-apa conviction. Jadi, tujuan dan maksud adalah jelas dengan huraian yang ringkas tersebut.

Saya adalah menyampaikan penghargaan atas teguran Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bersabit dengan ungkapan atau istilah Borneo States yang mana beliau menyatakan ini akan menimbulkan beberapa kekeliruan awal oleh kerana terdapat pada perkara-perkara tertentu dalam Perlembagaan ini di mana hanya dikatakan Borneo States atau satu Borneo State. Perkara ini adalah perkara yang boleh dibuat kajian dan sekiranya didapati pandangan beliau ini benar-benar menjejaskan atau mengelirukan manamana peruntukan dalam Perlembagaan, langkah-langkah untuk meminda, untuk menyelaras akan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa persoalan yang berikutnya perlu diambil perhatian oleh Ahli-ahli yang telah menegur berhubung dengan peruntukan-peruntukan bersabit dengan fundamental liberties. Kebanyakan pandangan-pandangan telah dipusatkan kepada fakta bahawa dengan pindaan ini maka sebahagian besar kebebasan asasi itu adalah terjejas. Sebenarnya dengan adanya pindaan yang sedemikian rupa penjelasan yang perlu kita terima ketika ini ialah bagi memberikan bidang kuasa kepada pihak yang berkuasa iaitu Kerajaan supaya menyenangkan pentadbiran bersabit dengan keselamatan dan juga keadaan-keadaan yang berhubung dengannya pada ketika ini.

Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik ialah supaya negara menggantung beberapa peruntukan apabila sampai masanya kemudian. Tentulah pada ketika ini sukar bagi Kerajaan untuk menerima cadangan demikian oleh kerana keadaan-keadaan yang ditimbulkan atau mungkin ditimbulkan melalui cadangan beliau ini belum dapat dipastikan. Tetapi saya percaya sekiranya timbul satu-satu atau mana-mana keadaan dalam negara yang melibatkan dan memerlukan Kerajaan untuk menggantung sesuatu peruntukan Perlembagaan maka ini akan dapat dijalankan mengikut peruntukan-peruntukan 149 atau 151 dalam Perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara berikutnya ialah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik iaitu peruntukan-peruntukan mengenai kebebasan dalam negara ini adalah kadang-kala ditunjukkan unsur-unsur negativenya oleh tindakan-tindakan Polis. Perkara ini juga adalah dibangkitkan oleh Senator-senator yang lain yang mana saya akan ulas kemudian nanti.

Pada masa ini dalam undang-undang tidak ada kuasa yang diberi sebenarnya kepada pihak Polis untuk memukul atau mengenakan sesuatu keseksaan. Pada peringkat perundangan di negara kita ini adalah jelas. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kes-kes sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik dan juga Senator Datuk Syed Kechik tadi, maka ini perlulah dibereskan dengan satu tinjauan yang khusus dan Kerajaan adalah mengharapkan dengan penyelarasan baru yang dijalankan melalui jawatankuasa-jawatankuasa penyelarasan antara negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Persekutuan, hal-hal bersabit dengan perkara yang ditimbulkan oleh mereka ini akan sama-sama dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel menekankan sekali lagi iaitu kecurigaan beliau bersabit dengan peruntukan di bawah Fasal 6. Hal ini telah saya jelaskan sebentar tadi dan saya harap dengan penjelasan itu apa-apa kepentingan di bawah pindaan ini tidak akan menjejaskan manamana pihak.

Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik menambah kata iaitu pegawai-pegawai Polis di Sabah telah terbukti memukul orang-orang yang bersalah. Ini juga telah saya jawab sebentar tadi dan saya telah kembalikan kedua-dua jawapan ini bagi menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik tadi. Allegation atau dakwaan seperti ini bagi Kerajaan untuk menerima begitu sahaja adalah sukar. Oleh itu, satu laporan barangkali dari Yang Berhormat itu perlu diterima dengan butir-butir yang khusus supaya penelitian dapat dibuat.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad menimbulkan tentang Perlembagaan itu perlu diubahsuai mengikut keadaan. Sebenarnya, apa yang telah dibuat oleh Kerajaan dan diselenggarakan setakat ini adalah sepertimana yang beliau sarankan itu iaitu Perlembagaan kita adalah menjadi dokumen yang muktamat sekali tingginya atau the constitution is the supreme legislation. Dengan yang demikian, mana-mana undang-undang lain yang tidak selaras dengan peruntukan-peruntukan ini akan dari masa ke semasa diselaraskan supaya kedudukan Perlembagaan Persekutuan ini akan terus mencapai mercu dan kedudukan sebagaimana yang diharapkan melalui falsafah perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengulas tentang perkara yang bersabit dengan pindaan kepada fasal yang berhubung dengan fundamental liberties sebentar tadi. Pindaan telahpun dikemukakan di Dewan Rakyat iaitu pindaan ini akan memberi penjelasan yang lebih kepada berbagai-bagai persoalan yang telah ditimbulkan bukan sahaja dalam Dewan tersebut tetapi juga telah dibawa ke dalam Dewan ini dan sebentar lagi menerusi proses Jawatankuasa, saya akan bantangkan dan kemukakan pindaan-pindaan yang berkenaan.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad juga telah menyarankan supaya jentera-jentera di pihak Kerajaan Negeri dapat diselaraskan dengan adanya penyesuaian melalui pindaan dalam Perlembagaan ini terutama bersabit dengan kuasa Juru Odit untuk memeriksa kuasa atau kedudukan kuasa di negeri-negeri. Semestinyalah ini merupakan satu pindaan yang amat besar ertinya terutama kepada Bumiputra yang mempunyai satu harapan besar untuk

menyertai mana-mana satu kegiatan perniagaan di peringkat negeri melalui S.E.D.C. ataupun Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri masing-masing. Dengan adanya pindaan ini maka Kerajaan Pusat akan sentiasa beroleh sesuatu kuasa untuk meneliti perjalanan mana-mana badan ekonomi peringkat negeri umpamanya yang perlu ditinjau dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Datuk Dr Sinnadurai adalah menegaskan supaya morality law atau undang-undang bersabit dengan moral di tanahair ini diberi keutamaan. Saya bersetuju dengan pendapat beliau yang menyatakan where there is no morality there will be no law dan ini adalah falsafah sebenarnya yang terkandung dalam Perlembagaan kita. Di atas cadangan-cadangan beliau itu saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin juga telah memberi pujian kepada Kerajaan bersabit dengan kedudukan-kedudukan dalam mana-mana badan ekonomi negeri akan diberi tinjauan-tinjauan dan juga penelitian dari peringkat Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat Dr Lim Ah Sitt adalah bimbang dan menyatakan bahawa beliau kurang yakin yang pindaan ini akan memberi manfaat sepenuhnya bersabit dengan fundamental liberties atau kebebasan asasi sebagaimana yang disebutkan itu. Sukalah saya menerangkan di sini bahawa pindaan ini hanya berkehendakan perubahan atas difnasi dan juga atas hak-hak seseorang manusia yang bersabit dengan Restricted Residence Enactment Fasal 30 sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr Lim Keng Yaik telah menyatakan kurang puas hati beliau tentang huraian yang kurang lengkap bersabit dengan pembentangan Akta bagi meminda Perlembagaan kita ini. Sebenarnya, bagi satu-satu pindaan Rang Undang-undang tidaklah dapat dimuatkan semuanya huraian di muka-muka akhir satu-satu Rang Undang-undang itu, tetapi Kerajaan berpendapat iaitu huraian-huraian yang disampaikan melalui muka surat 16 hingga 23 adalah genap. Walau bagaimanapun, sekiranya huraian-huraian ini tidak melengkapi bagi mana-mana pihak yang berkenaan maka terpaksa bagi pihak-pihak yang berkenaan itu membuat perutusan untuk bertanya ataupun hal-hal yang

lain yang bersabit dengannya supaya penerangan-penerangan dapat diberi. Adalah didapati bahawa penerangan-penerangan ini adalah mengikut huraian perundingan yang dibuat oleh Jabatan Peguam Negara dan bagi mereka yang tidak puas hati dengan huraian ini adalah diambil ingatan supaya buat Rang Undang-undang yang akan datang pengolahannya yang baru mungkin dapat diadakan supaya penjelasan itu dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

Dr Lim Keng Yaik juga menanya samada peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Bahagian III iaitu bahagian kewarganegaraan itu boleh dipinda. Sebenarnya, peruntukan melalui Perkara 159 adalah ditetapkan mana-mana bahagian atau peruntukan yang boleh dipinda melalui proses biasa iaitu 2/3 dari ahli-ahli yang hadir di kedua-dua Dewan, tetapi bagi Bahagian III iaitu yang menyentuh tentang warganegara tidak boleh melalui proses yang biasa sedemikian. Ianya dikecualikan dari proses tersebut. Seterusnya hal-hal bersabit dengan Perkara 153 dan juga hal-hal dan juga hal-hal bersabit dengan kedudukan Raja-raja Melayu tidak boleh dipinda kecuali dengan persetujuan Majlis Raja-raja.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ismail Sheikh Ibrahim tentang kemungkinan buat masa-masa hadapan Kerajaan akan terus mendiamkan diri bersabit dengan Police brutality ini. Sebenarnya perkara ini telah saya jawab melalui jawapan kepada soalan-soalan Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik dan juga Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik tadi. Dan saya tidak bercadang pada peringkat ini untuk menambah mana-mana ulasan terhadap persoalan-persoalan yang bersabit dengan kedudukan Polis ataupun kedudukan pegawai-pegawai yang dikatakan mendakwa mereka ini menggunakan kuasa-kuasa yang di luar bidang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan saya mohon mencadangkan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali yang kedua dan bagi maksud ini, Majlis akan

mengadakan belah-bahagian mengikut syarat-syarat Fasal 2 dalam Perkara 159 Perlembagaan.

(Loceng dibunyikan)

Ahli Yang Berhormat, saya percaya tentulah Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedar apabila Dewan menimbangkan satu Undang-undang hendak memindahkan Perlembagaan hendaklah pungut undi bagi bacaan kali yang kedua dan ketiga dilakukan dengan cara belah-bahagian. Oleh sebab ramai Ahli-ahli Yang Berhormat baru yang telah dilantik, ingin saya menerangkan lebih kurang caranya.

Di Dewan kita ini ada dua petak (block). Saya telah utukkan kepada tiap-tiap block seorang Penghitung. Apabila Penghitung itu seru nama bagaimana Yang Berhormat hendak mengundi, Ahli-ahli Yang Berhormat ada tiga pilihan; satu pilihan bersetuju; satu pilihan tidak bersetuju; satu pilihan tidak mengundi. Apabila Penghitung seru nama Yang Berhormat "A" bagaimana hendak mengundi, saya harap Yang Berhormat "A" bangun dan berilah undi; bersetuju, tidak bersetuju atau tidak mengundi; kemudian duduk. Bagaimana Yang Berhormat "B" hendak mengundi? Yang Berhormat "B" kata: bersetuju, tidak bersetuju ataupun tidak mengundi. Itulah caranya.

Sekarang saya hendak pungut undi dengan jalan belah-bahagian dan saya jemput Juru Penghitung mengambil tempat masing-masing.

BELAH-BAHAGIAN

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 51; Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU

1. Tuan Haji Othman bin Abdullah.
2. Tuan Law Heing Ding.
3. Puan Rafidah binti Aziz.
4. Tan Sri Datuk S. O. K. Ubaidulla.
5. Tan Sri Mohd. Noor Tahir.
6. Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali.
7. Datuk J. E. S. Crawford.
8. Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya.
9. Tuan Haji Mohammed Saaid bin Hj. Abu Bakar.
10. General Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin.
11. Dr Lim Keng Yaik.
12. Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin.
13. Datuk V. Ponnusamy Pillai.

14. Datuk Hussein bin Mohd. Noordin.
15. Tuan V. V. Aboo.
16. Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin.
17. Tan Sri Gan Teck Yeow.
18. Puan Dasimah binti Dasir.
19. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob.
20. Tuan Seah Teng Ngiab.
21. Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid.
22. Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah.
23. Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani.
24. Datuk Wan Ibrahim bin Wan Tanjong.
25. Datuk Chan Kwong Hon.
26. Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan.
27. Datuk Syed Hassan Aidid.
28. Dr Lim Ah Sitt.
29. Tuan Chua Ching Cheng.
30. Tuan Ting Ming Hia.
31. Datuk Mansor bin Mohamed.
32. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim.
33. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed.
34. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman.
35. Tuan Kam Woon Wah.
36. Datuk Dr C. Sinnadurai.
37. Datuk Dr Wee Khoo Hock.
38. Datuk Ngau Ken Lock.
39. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak.
40. Datuk Chong Foo Khin.
41. Tuan Oh Siew Aun.
42. Datuk Haji Ahmad bin Arshad.
43. Datuk Abdul Aziz bin Tapa.
44. Tuan Joseph Unting anak Umang.
45. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub.
46. Puan Zawiah binti Abdullah.
47. Datuk Lee Loy Seng.
48. Tuan S. M. Vellayappa.
49. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein.
50. Tuan T. S. Gabriel.
51. Tuan M. Mahalingam.

YANG TIDAK BERSETUJU

Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 48 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali yang ketiga dan bagi maksud ini Majlis akan mengadakan belah-bahagian mengikut syarat-syarat Fasal 2 dalam Perkara 159 Perlembagaan.

Penghitung-penghitung Undi diminta mengambil tempat masing-masing.

(Loceng dibunyikan)

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 51; Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU

1. Tuan Haji Othman bin Abdullah.
2. Tuan Law Heing Ding.
3. Puan Rafidah binti Aziz.
4. Tan Sri Datuk S. O. K. Ubaidulla.
5. Tan Sri Mohd. Noor Tahir.
6. Tok Panku Pandak Hamid bin Puteh Jali.
7. Datuk J. E. S. Crawford.
8. Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya.
9. Tuan Haji Mohammed Saaid bin Haji Abu Bakar.
10. General Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin.
11. Dr Lim Keng Yaik.
12. Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin.
13. Datuk V. Ponnusamy Pillai.

14. Datuk Hussein bin Mohd. Noordin.
15. Tuan V. V. Aboo.
16. Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin.
17. Tan Sri Gan Teck Yeow.
18. Puan Dasimah binti Dasir.
19. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob.
20. Tuan Seah Teng Ngiab.
21. Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid.
22. Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah.
23. Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani.
24. Datuk Wan Ibrahim bin Wan Tanjong.
25. Datuk Chan Kwong Hon.
26. Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan.
27. Datuk Syed Hassan Aidid.
28. Dr Lim Ah Sitt.
29. Tuan Chua Ching Cheng.
30. Tuan Ting Ming Hia.
31. Datuk Mansor bin Mohamed.
32. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim.
33. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed.
34. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman.
35. Tuan Kam Woon Wah.
36. Datuk Dr C. Sinnadurai.
37. Datuk Dr Wee Khoo Hock.
38. Datuk Ngau Ken Lock.
39. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak.
40. Datuk Chong Foo Khin.
41. Tuan Oh Siew Aun.
42. Datuk Haji Ahmad bin Arshad.
43. Datuk Abdul Aziz bin Tapa.
44. Tuan Joseph Unting anak Umang.
45. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub.
46. Puan Zawiah binti Abdullah.
47. Datuk Lee Loy Seng.
48. Tuan S. M. Vellayappa.
49. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein.
50. Tuan T. S. Gabriel.
51. Tuan M. Mahalingam.

YANG TIDAK BERSETUJU

Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Selasa, 10hb Ogos, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.35 malam.